الدكتور عبدالله عزام

الدفاع عن أراضي المسلمين
أهم فروض الأعيان

MEMPERTAHANKAN BUMI UMAT ISLAM
Kewajipan Pertama Selepas Iman

Oleh **Dr. Abdullah Azzam**
(Semoga Allah menerimanya sebagai syuhada)
Penterjemahan ke Bahasa Inggeris oleh Saudara di Medan Ribatt.
Penterjemahan ke Bahasa Melayu oleh Saudara di Medan Ribatt
Pattani Darussalam.

Judul asli

Ad-difa'u 'an Arodhil Muslimin
Ahammu Furudhil A'yan

Penulis

As-Syahid Abdullah Azzam Rohimahullah

Judul Terjemahan ke Bahasa Melayu

Mempertahankan Bumi Umat Islam
Kewajipan Pertama Selepas Iman

Penerbit Edisi Bahasa Inggeris

www.azzam.com

Penerbit Edisi Bahasa Melayu

Khattab Media Publication

Pergunakanlah bahan bacaan ini untuk kepentingan kaum Muslimin.
Semoga Allah memberikan kebaikan dan petunjuk kepada kita.
InsyaAllah

بسم الله الرحمن الرحيم

Biografi

As-Syahid Abdullah Azzam

Abdullah Yusuf Azzam dilahirkan di sebuah kampung di Utara Palestin bernama Selat Al Harithia di Daerah Jenin pada tahun 1941. Bapanya bernama Mustafa Azzam yang meninggal setahun selepas anaknya dibunuh. Ibunya bernama Zakia Saleh yang meninggal setahun sebelum Syeikh ini dibunuh dan dikuburkan di Kem Pabi.

Keluarga Azzam ialah keluarga yang terkenal, salah satu ahlinya ialah Syeikh Abdullah Azzam, menunjukkan kepintaran semenjak kecil, telah mula melakukan dakwah dalam usia muda. Beliau menunjukkan tanda-tanda keunggulan dan dikenali guru-gurunya semasa di sekolah rendah. Kawan-kawannya mengenali beliau sebagai anak yang soleh. Semenjak kecil, beliau terkenal dengan keazaman dan keperibadiannya yang serius. Sebelum usia sepatutnya beliau menyertai Ikhwanul Muslimin.

Syeikh Abdullah Azzam menerima pendidikan awal dan menengah di kampungnya, dan melanjutkan pelajaran di Kolej Pertanian Khadrri di mana beliau memperoleh Diploma. Walaupun beliau yang termuda diantara rakan-rakannya, namun beliau adalah yang tercerdik dan tajam akalnya. Selepas menamatkan pengajian di Kolej Khadrri, beliau bekerja sebagai guru di sebuah kampung bernama Adder di Selatan Jordan. Kemudian beliau memasuki Kolej Shariah di Universiti Damaskus dimana beliau memperoleh Ijazah B.A. dalam *Syariah* pada 1966. Selepas Yahudi menjajah Tebing Barat pada 1967, Syeikh Abdullah Azzam memutuskan untuk berhijrah ke Jordan, kerana beliau tidak dapat tinggal di bawah pendudukan Yahudi di Palestin. Pencerobohan kereta-kereta kebal Israel yang meratakan Tebing Barat tanpa sebarang tentangan menjadikan beliau lebih cenderung untuk berhijrah bagi mempelajari kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk berperang.

Pada lewat 1960, beliau menyertai Jihad menentang pendudukan Israel ke atas Palestin dari Jordan. Sewaktu itu, beliau memperoleh Ijazah Masters dalam *Syariah* daripada Universiti Al Azhar. Pada 1970 dan selepas jihad terhenti, semasa PLO diusir keluar dari Jordan, beliau menyambung kerjaya mengajar di Universiti Jordan di Amman. Pada 1971, beliau dianugerahkan biasiswa ke Universiti Al Azhar di Kaherah di mana memperoleh Ph.D dalam *Usul al Fiqh* pada 1973. Semasa menetap di Mesir beliau mula mengenali keluarga Sayid Qutb.

Pada 1979, ketika beliau dibuang daripada universiti, beliau berpindah ke Pakistan untuk berada hampir dengan Jihad Afghan. Di sana beliau dipengaruhi oleh pimpinan jihad Afghanistan. Semasa di peringkat awal beliau menetap di Pakistan, beliau menjadi pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa di Islamabad. Akhirnya, beliau merasakan perlu melepaskan jawatan sebagai pensyarah agar dapat terlibat sepenuh masa dan tenaga dalam Jihad Afghanistan.

Abdullah Azzam kuat dipengaruhi oleh Jihad di Afghanistan dan Jihad banyak dipengaruhi beliau. Padanya beliau menumpukan segala usaha, dan menjadi tokoh terkemuka dalam Jihad Afghanistan disamping pemimpin-pemimpin Afghan. Beliau menghabiskan seluruh usahanya untuk menghebahkan Afghan kepada seluruh dunia, terutamanya kepada seluruh Ummat Islam. Beliau mengubah minda umat Islam berkenaan jihad di Afghanistan dan menyampaikan Jihad kerana Islam yang melibatkan seluruh umat Islam di seluruh dunia. Kerana usahanya, Jihad Afghan menjadi universal, yang mana umat Islam dari seluruh pelosok dunia datang untuk berjuang.

Jihad di Afghanistan telah menjadikan Abdullah Azzam sebagai tokoh utama pergerakan jihad zaman moden. Dengan menyertai jihad, menghebahkannya dan menghilangkan salah tanggap yang wujud pada jalannya, beliau menjadi contoh ikutan bagi generasi akan datang yang menyahut seruan jihad.

Suatu ketika beliau pernah berkata, "Saya merasakan umur saya sembilan tahun, tujuh setengah tahun di Jihad Afghan, satu setengah tahun di Jihad Palestin dan tahun lainnya tiada nilai." Pada Jumaat 24 November 1989 di Peshawar, Pakistan beliau dibunuh bersama dua anaknya Mohammed dan Ibrahim, dengan TNT seberat 20kg yang dipasang dengan kawalan jauh semasa beliau memandu untuk ke Solat Jumaat. Keretanya meletup berkecai di tengah-tengah jalan yang sibuk. Cebisan tubuh anaknya dijumpai sejauh seratus meter. Sebelah kaki anaknya pula tergantung di kabel telefon yang berjuntai. Walaubagaimanapun, Maha Suci Allah, tubuh Syeikh dijumpai dalam keadaan normal, kecuali kecederaan dalaman, yang menyebabkan kematiannya. Ramai saksi menghidu bau kasturi terbit dari jasad beliau.

Anaknya pernah meminta menjadi Syahid bersama ayahnya. Syeikh Abdullah Azzam dikebumikan di perkuburan Syuhada Pabi di mana beliau menyertai ribuan syuhada lainnya.

{... وَالَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَنْ يُضِلَّ أَعْمَالَهُمْ }

"...Dan orang-orang yang gugur pada jalan Allah, Allah tidak akan menyia-nyiakan amal mereka." Muhammad:4

Pengantar daripada Saudara di Medan Ribatt (Edisi Bahasa Inggeris)

Tiada Khalifah. Selepas 1300 tahun pemerintahan Islam. Sebuah empayar terhebat yang pernah digeruni dunia. Suatu Umat yang diamanahkan dengan wahyu terakhir dari Tuhan. Agama yang ditujukan untuk seluruh manusia. Yang mana hari ini, Najasun[1] *telah memperbodohkan Umat Islam dengan mewakilkan boneka berkepala kayu sebagai pemimpin-pemimpin palsu kepada negara yang masih dijajah mereka. Kolonialism telah berwajah baru. Mereka telah datang dari setiap bahagian untuk membahagi kita di kalangan mereka seperti seseorang mengajak kepada majlis keramaian. Tidak ada penghinaan terbesar kepada orang-orang yang diharap untuk memimpin kepada kesejahteraan. Bagaimanakah mereka akan dapat mengetahui keseriusan situasi ini. Rumah mereka hancur dan jiran-jiran mereka sedang tertawa. Kemudian, apa yang boleh menyebabkan mereka sedar keseriusan situasi ini.*

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ(73)

"Adapun orang-orang yang kafir, sebahagian mereka menjadi pelindung bagi sebahagian yang lain. Jika kamu (kaum Muslimin di seluruh dunia secara kolektif) **tidak melaksanakan apa yang telah diperintahkan Allah itu** (menjadi sekutu, seperti satu blok pakatan dengan satu khalifah – ketua pemerintahan umat Islam seluruh dunia untuk memuliakan agama Allah dengan Tauhid)**, niscaya akan terjadi *Fitnah*** (peperangan, kesyirikan, dsb.) **kekacauan di muka bumi dan kerosakan yang besar** (munculnya kesyirikan)**." Al-Anfal: 73.**

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ(19)

"Apakah (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjidilharam, kamu samakan dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah; dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim." At-Taubah:19

Abdullah Ibnul Mubarak (semoga Allah merahmati beliau) menghantar surat kepada Al Fudhail ibn Iyadh yang isinya berikut: "Wahai kamu yang beribadah di masjid haram, seandainya kamu menyertai kami di medan perang, kamu akan mengetahui bahawa, berbanding dengan jihad kami, ibadah kamu seperti mainan anak-anak kecil. Pada setiap titis air mata di pipimu, kami di sini mengalir darah di dada-dada kami. Kamu bermain-main dengan ibadah kamu, semasa kamu sibuk beribadah, mujahidin menggadaikan darah dan jiwa."

---

[1] *Najasun:* najis (kotor). Kekotoron mereka ialah pada spritual dan fizikal: spiritual kerana mereka tidak beriman kepada keesaan Allah dan kepada kerasulan Muhammad (saw); dan fizikal, kerana mereka kurang menjaga kebersihan diri (kotoran atau *Junuban* berkenaan air kencing, tahi dan kotoran hubungan kelamin)

Pengantar daripada Saudara di Medan Ribatt Pattani Darusssalam (Edisi Bahasa Melayu)

Segala tahmid bagi RABBUL 'IZZATI yang menjanjikan Jannatul Firdausi sebagai jaminan bagi pahlawan-pahlawan sejati yang berjuang mati-matian fisabilillah dengan harta dan jiwanya.

Umat terbaik sepanjang zaman adalah mereka yang menjunjung tinggi kalimah La Ilaha Illallah serta membela dienullah dengan niat yang tulus untuk meraih redhaNYA.

Malangnya, kita tidak sedar saudara-saudara seperjuangan kita samada di Kasymir, Iraq, Palestin, Pattani, Filipina maupun Checnya sedang tenat menanggung beban yang tidak terhingga, saban hari membilang derita mengharungi detik-detik yang mengerikan. Kita tidak pernah memperdulikan agama Islam dicemari dengan hina oleh musuh-musuh yang merajakan syaitan. Tidak pernah menghiraukan kehormatan wanita Muslimah diperkosa dengan rakus oleh serigala-serigala buas secara membabi buta. Tidak pernah mengendahkan warga tua ataupun anak kecil dibantai dengan zalim oleh tentera-tentera thogut yang bengis.

Tatkala laras senapang meretakkan tulang-tulang, tatkala dentuman bom menikam tubuh-tubuh di medan pertempuran yang dahsyat, ada isteri yang menjadi janda, ada anak yang menjadi yatim. Namun, kita masih boleh diam membatu seolah-olah ia merupakan cerita fantasi serta berita rekaan semata-mata.

Wahai ikhwan-ikhwanku yang dikasihi ALLAH, bukalah mata zahir serta batin, bangunlah dari terus dibuai mimpi dan lena yang panjang. Kerahkan tenaga dan kemampuan yang kalian miliki demi mempertahankan bumi kaum muslimin daripada dicerobohi sang kuffar dan sekutunya. ALLAH ta'ala telah berfirman :

.

"Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka (golongan Kuffar La'natullah) **dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuh mu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya;tetapi Allah mengetahuinya..."Al-Anfal:60**

Kobarkanlah semangat para pemuda Muslim untuk bergabung bersama barisan mujahidin terutama di Pattani Darussalam demi memenuhi tuntutan yang wajib dan tujuan yang murni walaupun terpaksa korbankan selautan peluh dan darah. Renung-renungkanlah Kalamullah yang mulia ini :

" Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajiban kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mukmin (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras siksaan(Nya)." An-Nisa:84

Yakinlah bahawa mendung pasti akan hilang. SANG KHALIQ juga takkan membiarkan penindasan berlalu tanpa ada balasan yang sewajarnya.

بسم الله الرحمن الرحيم

ان الحمد الله نحمده, ونستعينه ونستغفره,
ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيات أعمالنا,
من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له,
وأشهد أن لا اله الا الله واشهد أن محمدا عبده ورسوله,
اللهم لا سهل الا ما جعلته سهلا وأنت تجعل الحزن اذا شئت سهلا،
أما بعد ؛

Segala puji hanya bagi Allah, Kita memujiNya dan memohon pertolongan kepadaNya. Kita berlindung kepada Allah dari segala kejahatan diri dan segala keburukan amal perbuatan kami. Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiada siapapun dapat menyesatkannya, dan barangsiapa yang disesatkan oleh Allah, maka tiada siapapun dapat memberi petunjuk kepadanya. Aku bersaksi bahawa tiada Ilah selain Allah sahaja, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah hamba dan pesuruhNya. Wahai Allah, tiada yang mudah kecuali apa yang engkau telah mudahkan. Dan Engkau memudahkankan yang sukar dengan kehendakMu.

Aku menulis *Fatwa* ini asalnya ia lebih tebal daripada yang sekarang. Aku tunjukkan kepada Yang Dihormati Syeikh Abdul Aziz Bin Bazz. Kubacakan kepadanya, beliau memperbaikinya dan berkata "Ia adalah baik" dan setuju dengannya. Tetapi, beliau mencadangkan kepadaku agar meringkaskannya dan menulis pendahuluan padanya yang mana ianya perlu diterbitkan. Tetapi Syeikh ini sibuk, waktu itu adalah musim Haji, jadi tiada masa baginya untuk menyemak semula.

Kemudian Syeikh ini (semoga Allah memelihara beliau) mengumumkan di Masjid Ibn Ladna di Jeddah dan dalam masjid besar Riyadh bahawa jihad dengan dirimu hari ini adalah *Fardu Ain* (kewajipan global). Kemudian kutunjukkan *Fatwa* ini, tanpa enam soalan pada akhirnya, kepada barisan yang mulia Syeikh Abdullah al Waan, Sayid Hawa, Muhammed Najib al Mutyiy, Dr. Hassin Hamid Hissan dan Umar Sayaf. Kubacakan kepada mereka, mereka bersetuju dan kebanyakan mereka menandatanganinya. Begitu juga kubacakan kepada Syeikh Muhammed bin Salah Bin Utahimin dan beliau juga menandatanganinya.

Aku juga bacakan kepada Syeikh Abdur Razaq Afiffi, Hasan Ayub dan Dr.Ahmad al Assal.

Kemudian aku berucap mengenai topik ini pada sebuah syarahan di Minna di Pusat Penjagaan Awam pada musim haji di mana berkumpul lebih dari seratus ulama dari seluruh dunia Islam. Kukatakan kepada mereka: "Disepakati Salaf, ulama' terdahulu, semua orang-orang alim, dan Muhadithin pada setiap waktu: "Bahawa jika secebis bumi Umat Islam sebesar tapak tangan diserbu musuh, maka jihad menjadi Fardhu Ain (kewajipan global) pada setiap Muslim lelaki maupun

wanita, yang mana anak boleh maju tanpa izin orang tuanya dan isteri tanpa izin suaminya.

"Aku memutuskan dengan kehadiran Amir kepada Mujahidin (Sayyaf) dan dengan masa yang kuhabiskan tiga tahun pada Jihad Afghan, bahawa jihad di Afghanistan memerlukan personel. Jadi, sesiapa yang ingin menyangkal dari kalangan kamu Wahai Ulama' sila ajukan". Dan tiada satupun bantahan. Sebaliknya, Dr.Syeikh Idriss berkata "Wahai Saudaraku! Tiada perbezaan pendapat pada hal ini".

Jadi akhirnya, aku terbitkan fatwa ini. Semoga Allah menjadikannya berguna bagi kita pada kehidupan kini dan kemudian, dan kepada semua umat Islam.

Dr.Abdullah Azzam

Surat-surat

Surat daripada Syeikh Muhammed Najib Al Mu'ti

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah dan Selawat dan Salam kepada RasulNya, keluarganya, sahabat-sahabat dan mereka yang mengikutinya.

Jihad kerana Allah adalah untuk mencapai syahid, di mana Allah memberikan khabar gembira dengan pemilihan mereka dengan ayatNya yang suci **"...dan supaya sebagian kamu dijadikan-Nya (gugur sebagai) syuhada"** (Al Imran: 140). Ini adalah suatu kemajuan dari satu tempat tinggal kepada yang lain. Daripada bermasalah, tipu-daya dan kehidupan zalim kepada kehidupan yang menggembirakan dan kesenangan.

Berkenaan tulisan ini, yang pemurah, mujahid, pemberani, bijaksana, Dr.Abdullah Azzam telah menulis seruan kepada Jihad. Menerangkan dan mempamerkan agenda sebenar dengan menyediakan bukti dalil yang cukup dari *Fiqh*, hadith, dan *Tafsir*. Kajian dan perbincangan dengan bukti, menyebabkan sesak tenggorokan para penentang dan picingan mata daripada pandangan si pengecut dan munafiq. Aku menyampaikan berkenaan topik ini beberapa kalimah *Dakwah* kepada jalan yang mana tiada jalan lain, pada saat-saat kritikal ini, bagi menyingkirkan kanser daripada *Ummah* dan mempertahankan agama. Inilah tujuan seluruh kehidupan kita, iaitu hidup di jalan Allah dan RasulNya dan KitabNya. Iaitu *Ummah*Nya akan ditinggikan dan dimuliakan dan berterusan. Orang-orang beriman berperang di jalan Allah bahawa: jika dia jatuh dia belajar dan jika dia cedera diampuni dosanya, jika diusir dia adalah pengembara, jika dipenjara adalah masa untuknya beribadah, jika dia hidup menjadi ketua, jika mati sebagai syuhada dan kepadanya diberikan kebaikan yang banyak.

Dan kesejahteraan diucapkan kepada sesiapa yang mendengar seruan ini dan menyahutnya (Dan jika kamu diseru maju kehadapan, majulah) dengan rahmat dan redha Allah.

Mohammed Najib al Mu'ti'
Hamba daripada *Sunnah* dengan rantai yang sebenar.
Pengarang *Takmilatu al Majmua Sharhul Muhathab*
Ahli Persatuan Penulis Mesir.

Surat daripada Syeikh Sayid Hawa

بسم الله الرحمن الرحيم

Setelah mendengar surat ini daripada Syeikh Dr. Abdullah Azzam, saya menyimpulkan Fatwa ini benar dan menyeru manusia kepadanya.

Surat daripada Syeikh Umar Sayyaf

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji hanya bagi Allah dan semoga keberkatan dilimpahkan kepada Muhammad, keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mengikutinya.

Adapun sesudah itu,

Fatwa hebat ini dan segala nasihat pada hukum-hukum Jihad, dan apabila Jihad menjadi *Fardu Ain* telah ditunjukkan kepadaku oleh saudara seIslam, Syeikh, yang benar dan jujur, mujahid Dr. Abdullah Azzam. Aku membaca keseluruhannya dan melihatnya sebagai pandangan yang benar, kebenaran yang mana tidak akan ada penyimpangan, dan tidak ada tempat bagi sesiapa yang memiliki iman hatta sebesar zarah dalam hatinya melainkan untuk menerima pembuktian dalil ini dari Kitab Allah, Sunnah Rasulullah (saw), dan kesepakatan ijmak Ulama. Aku katakan, ini mesti di warwarkan, secepat mungkin maju dan memenuhi kefardhuan ini tanpa ragu-ragu, atau kita akan terjatuh kepada apa yang Allah terangkan sebagai: **"...Maka apabila diturunkan suatu surat yang jelas maksudnya dan disebutkan di dalamnya (perintah) perang, kamu lihat orang-orang yang ada penyakit di dalam hatinya memandang kepadamu seperti pandangan orang yang pingsan karena takut mati, dan kecelakaanlah bagi mereka." (Muhammad: 20).**

Semoga Allah memberi ganjaran kepada Syeikh ini, hamba Allah kerana tujuannya dan sumbangannya menyedarkan umat ini.

Semoga Allah membantu kita mengikuti kesenanganNya, sebenarnya jihad kini *Fardhu Ain* dan tiada alasan bagi sesiapapun.

Syeikh Umar Sayyaf
Majlis Ulama
Sana Yaman.

Surat daripada Syeikh Abdullah Nassah al Waan

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah dan Selawat dan salam kepada Muhammad, keluarganya, para sahabat yang membawa bendera jihad ke seluruh dunia. Dan kepada mereka yang mengajak kepada kebenaran dan kebaikan sehingga Hari Kiamat.

Syeikh Dr. Abdullah Azzam, semoga Allah memelihara beliau, menunjukkan kepadaku apa yang ditulisnya mengenai hukum-hukum jihad hari ini berhubung dengan Afghanistan, Palestin dan negara-negara umat Islam lainnya. Aku katakan dengan pertolongan Allah:

Di mana sahaja beliau mengumumkan *Fatwa* ini, dipetik daripada mazhab-mazhab dan salaf, apa yang benar dan betul, iaitu mana-mana negara Islam dicerobohi orang-orang kafir, seperti yang diputuskan oleh orang-orang yang memahami, berperang menjadi *Fardhu Ain* kepada rakyatnya. Dengan itu, isteri akan maju tanpa perlu izin suaminya, dan anak-anak tanpa perlu izin orang tuanya. Malah, jihad akan tetap menjadi *Fardhu Ain* kepada setiap negara yang berhampiran sehingga bilangan tentera cukup bagi membebaskan negara umat Islam daripada cengkaman orang-orang kafir. Jika orang-orang kafir tidak dapat dimundurkan, maka hukum jihad *Fardhu Ain* berkembang dalam bentuk bulatan, dari negara yang terdekat kepada negara lain yang terdekat. Sehinggalah, jihad menjadi *Fardhu Ain* kepada seluruh dunia sampai ditimpakan kemusnahan kepada musuh dan pengusiran keseluruhan mereka daripada bumi Umat Islam. Pada masa kini, kita dapati ramai umat Islam dalam semua negara-negara umat Islam, malas, kurang persediaan dan tidak berbuat apa-apa. Kini sebenarnya, bagi Afghanistan dan Palestin dan juga bumi umat Islam lainnya, jihad pada hari ini menjadi *Fardhu Ain* kepada setiap orang sehingga bilangan personel dan kewangan mencukupi.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pada setiap muslim hari ini, yang berupaya memanggul senjata, untuk maju ke medan jihad bagi membantu saudara seIslam mereka di Afghanistan dan di mana-mana tempat yang memerlukan, meskipun orang tuanya tidak mengizinkan, sehinggalah mencapai ketenteraan yang cukup dan Allah Maha Mengetahui.

Saudaramu,
Abdullah Nassah al Waan
Universiti King Fahd Abdul Aziz
Jeddah

الدفاع عن أراضي المسلمين
أهم فروض الأعيان

MEMPERTAHANKAN BUMI UMAT ISLAM
Kewajipan Pertama Selepas Iman

Isi Kandungan

Bab 1
Mempertahankan Bumi Umat Islam

Kewajipan Pertama Selepas Iman

"Kewajipan pertama selepas Iman ialah menghadang musuh yang menyerang agama dan kehidupan dunia" *Ibnu Taimiyah*

مالعدو الصائل الدين والدنيا لا شيء أوجب بعد الايمان من دفعه (ابن تيميه)

Segala puji bagi Allah, kami memujiNya, kami memohon pertolongan kepadaNya, kami memohon keampunan kepadaNya, kami berlindung kepadanya daripada segala kejahatan diri kami dan keburukan amal perbuatan kami. Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tiada sesiapa dapat menyesatkannya dan barangsiapa disesatkan Allah maka tiada sesiapa dapat memberi petunjuk kepadanya. Aku naik saksi bahawa tidak ada Ilah melainkan Allah dan Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruhNya. Semoga keredhaan ke atas baginda, keluarganya dan para sahabat.

Adapun sesudah itu,

Allah telah memilih agama ini sebagai rahmat sekalian alam. Dia mengutuskan yang paling dirahmati daripada utusan-utusannya sebagai rasul terakhir untuk agama ini. Bagi membawa kemenangan dengan pedang dan tombak, selepas baginda menjelaskannya dengan bukti dan hujah. Rasulullah (saw) bersabda dalam hadith sahih riwayat Ahmad dan Tabrani**:** "Aku telah diutus menjelang hari kiamat dengan pedang, hingga manusia beribadah hanya kepada Allah saja, tiada sekutu bagi-Nya, rezekiku dijadikan-Nya dibawah bayangan tombakku, dan kerendahan serta kehinaan dijadikan-Nya terhadap orang yang menyalahi perintahku. Dan barangsiapa yang menyerupai suatu kaum maka dia termasuk golongan mereka."[2]

Allah yang Mulia, dengan kebijaksanaanNya, menyelamatkan umat manusia dengan suruhan berperang, kerana Yang Maha Mulia berfirman: **"...Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini. Tetapi Allah mempunyai karunia (yang dicurahkan) atas semesta alam."[3]** Justeru itu, Allah yang Maha Besar, Maha Agung, memerintahkan perkara ini (perang) sebagai rahmat kepada manusia, dan menjelaskannya dengan terang. Dengan kata lain, peperangan antara kebenaran dan kebatilan adalah sebagai reformasi kepada umat manusia, supaya yang benar akan mendominasi dan kebaikan disebarluaskan. Juga, amalan dan tempat peribadatan akan tetap terpelihara. Allah Yang Maha Mulia berfirman: **Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian**

[2] Shahih al Jami al Saghir 2828 oleh Albani
[3] Surah Al Baqarah:251

manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama) -Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."[4]

Hukum mempertahankan atau jihad telah tercatat dalam banyak halaman pada Kitab Allah Yang Maha Besar dan Maha Agung, untuk menjelaskan bahawa kebenaran mesti mempunyai kekuatan untuk melindunginya. Banyak kali kebenaran dikalahkan kerana pendukungnya mengabaikan kekuatan, dan berapa banyak kebatilan telah tertegak oleh pendukungnya yang siap sedia untuk berkorban. Jihad didirikan dari dua asas utama. Sabar yang menunjukkan keberanian hati, dan kemurahan hati (dermawan), dengannya seseorang membelanjakan hartanya dan jiwanya. Namun mengorbankan jiwa masih merupakan sikap dermawan yang terbesar, dan dalam hadith sahih,[5] riwayat Ahmad: "*Iman* ialah kesabaran dan pemurah". Ibn Taimiyah berkata[6]: "Perubahan anak-anak Adam dalam agamanya dan kehidupan dunia tidak akan lengkap tanpa sifat berani dan pemurah. Dan Allah telah menjelaskan bahawa barangsiapa berpaling dari jihad (perang), Dia akan menggantikan mereka dengan orang-orang yang sanggup melakukannya. **"Jika kamu tidak berangkat untuk berperang, niscaya Allah menyiksa kamu dengan siksa yang pedih dan digantinya (kamu) dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat memberi kemudharatan kepada-Nya sedikitpun. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."**[7]

Rasulullah (saw) telah menggariskan dua kejahatan yang paling buruk: bakhil, dan pengecut. Sikap ini membawa kepada kerosakan jiwa dan kemerosotan masyarakat. Dalam hadith shahih[8] : "Kejahatan terbesar yang terdapat dalam diri manusia ialah sifat bakhil dan pengecut". Diriwayatkan oleh Abu Daud dan ianya sahih.

Telah berlalu masa para salafus Saleh berpegang kepada hukum Jihad dan menjadi penguasa dunia dan pembimbing kepada manusia sejagat. Yang Maha Agung berfirman: **"Dan Kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami ketika mereka sabar. Dan adalah mereka meyakini ayat-ayat Kami.**[9]

Sepertimana Rasulullah (saw) nyatakan dalam hadith shahih[10] :"Umat terawal telah diperbaiki dengan sifat menahan diri dan keimanan yang kukuh, dan umat terakhir akan dihancurkan oleh kebakhilan dan kecintaan terhadap tempat tinggal." Riwayat Ahmad dan Thabrani dalam *Al Awsat* dan *Al Bahiqi.*

Malangnya, terdapat generasi pewaris muslim yang meninggalkan hukum Allah. Mereka melupakan Allah, jadi Allah juga melupakan mereka. Mereka meninggalkan hukum Allah menyebabkan mereka sesat. **"Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang menyia-nyiakan shalat** (meremehkan solat samada tidak mengerjakannya, tidak mengerjakan secara sempurna atau tidak mengerjakan pada

---

[4] Surah Al Hajj:40
[5] Silsilah al Hadith as Sahih 554 oleh Albani
[6] Majmu al Fatawa 28/157.
[7] Surah At Taubah:39
[8] Riwayat Abu Daud dan Bukhari dalam "Al Tarikh" lihat Shahih Al Jamia 3603
[9] Surah as Sajdah:24
[10] Shahih al Jamia 3739

waktunya yang ditentukan, dll) **dan memperturutkan hawa nafsunya, maka mereka kelak akan menemui kesesatan."[11]**

Mereka menuruti hawa nafsu dan mereka memandang baik kejahatan amal-amal mereka. Dalam hadith sahih[12]: "Allah membenci setiap orang sombong yang mementingkan siri sendiri, sibuk di pasar-pasar, umpama mayat di waktu malam dan keldai di siang hari, berpengetahuan luas hal duniawi namun mengabaikan kehidupan akhirat. (maksudnya mereka bekerja keras menyibukkan diri mencari rezeki dan mengabaikan kehidupan akhirat-penterj.)"

Satu daripada kewajipan utama yang hilang daripada umat Islam kini ialah kewajipan berperang. Kerana kehilangannya daripada kondisi Umat Islam masa kini, jadilah mereka umpama buih pada air bah (banjir). Sepertimana Rasulullah (saw) bersabda: "akan terjadi bangsa-bangsa memanggil sesama sendiri daripada segenap penjuru, seolah-olah orang-orang yang sedang makan memanggil satu sama lain untuk menjamu sepinggan hidangan dihadapan mereka." Seseorang bertanya kepada Rasulullah (saw): "Adakah ini kerana bilangan kami sedikit?". Baginda menjawab, "Tidak, tetapi kamu akan menjadi umpama sampah di air bah. Allah akan memasukkan *Wahn* kepada hatimu dan mengeluarkan ketakutan daripada hati musuh-musuhmu disebabkan kecintaan kamu terhadap dunia dan kebencian kamu terhadap mati". Dalam riwayat lain dinyatakan: "Dan apakah *Wahn* itu ya Rasulullah? Baginda (saw) menjawab: "Cinta dunia dan takut perang."[13] Riwayat Ahmad dengan perawi yang baik. Riwayat Abu Daud dengan perkataan "Benci mati", dan ini hadith sahih.

---

[11] Surah Maryam: 59
[12] Shahih al Jamia as Saghir 1874
[13] Silsilah al Hadith as Sahih 958

Dua Jenis Jihad Menentang Orang-orang Kafir

Jihad Ofensif (musuh diserang di kawasannya sendiri)

Berlaku apabila orang-orang kafir tidak berkumpul untuk menyerang kaum muslimin. Perang menjadi Fardhu Kifayah dengan keperluan minima untuk mengerahkan orang-orang beriman menjaga perbatasan sempadan, dan sekurang-kurangnya setahun sekali menghantar tentera bagi menggerunkan musuh Allah. Adalah tanggungjawab imam untuk mempersiapkan dan menghantar unit tentera ke medan peperangan sekali atau dua kali setiap tahun. Tambahan pula, adalah tanggungjawab rakyat Muslim untuk membantunya, dan jika dia tidak menghantar tentera maka dia berdosa.[14]

Dan para Ulama telah menyatakan bahawa jihad ini adalah untuk memastikan kelangsungan pembayaran *Jizyah.* Para ulama Shar'ie juga mengatakan: "Jihad ialah *Dakwah* dengan kekuatan, dan wajib melakukannya dengan segala keupayaan yang ada, sehingga yang tinggal hanyalah Muslim atau orang yang menyerah kepada Islam."[15]

Jihad Difensif

Ialah dengan mengusir orang-orang kafir daripada bumi kita, dan ini adalah Fardhu Ain, kewajipan atas semua individu. Ia adalah yang terpenting daripada semua kewajipan dan terjadi atas sebab-sebab berikut:

Jika orang-orang kafir memasuki bumi umat islam.
Jika kedua-dua pihak telah berhadapan antara satu sama lain di medan perang.
Jika Imam menyeru individu atau rakyat untuk maju ke medan perang, maka wajib baginya berangkat.
Jika orang-orang kafir menangkap dan menawan sekumpulan Muslim.

Sebab Pertama: Jika orang-orang kafir memasuki bumi umat Islam.

Dalam keadaan ini, Salafus Sholeh, mereka yang mengikutinya, ulama dari empat mazhab (Maliki, Hanafi, Shafi'e dan Hanbali), para muhaddithin, dan ahli tafsir, bersetuju bahawa sepanjang zaman Islam, Jihad dalam keadaan ini menjadi Fardhu Ain kepada setiap Muslim di negerinya yang diserang orang-orang kafir dan kepada muslim yang berhampiran; yang mana anak-anak akan berangkat tanpa izin orang tua, isteri tanpa izin suami dan penghutang tanpa izin pemiutang. Dan, jika umat Islam di situ tidak dapat mengusir orang-orang kafir disebabkan kekurangan personel, kelengahan, malas, atau keengganan bertindak, maka kewajipan Fardhu Ain tersebar dalam bentuk bulatan daripada tempat yang terdekat ke tempat terdekat seterusnya. Jika mereka tetap tidak mampu atau kekurangan personel juga, maka tanggungjawab penduduk di belakang

[14] Haashiyat Bin Aabidin 3/238
[15] Hasyiat Ash Shouruni dan Ibnul Qasim dalam Tahfa al Mahtaj ala al Minhaj 9/213

negeri tersebut, dan di belakang negeri tersebut lagi untuk maju berangkat. Proses ini berterusan sehingga kewajipan Fardhu Ain meliputi ke seluruh dunia.

Syeikh Ibnu Taimiyah berkata berkenaan topik, "Berkenaan jihad defensif, yang mana menangkis pencerobohan, adalah tanggungjawab yang utama dalam jenis-jenis jihad. Sepertimana disepakati, adalah tanggungjawab bagi mempertahankan agama ini dan kesuciannya. Kewajipan pertama selepas iman ialah menolak pencerobohan musuh yang menyerang agama ini dan kehidupan umatnya. Tiada keperluan bersyarat diperlukan seperti perbekalan atau pengangkutan, bahkan hendaklah mereka ditentang dengan segala keupayaan yang ada. Para Ulama, sahabat-sahabat kami dan lain-lain telah bersepakat tentang hal ini." Ibnu Taimiyah menyokong pendapatnya dengan ketiadaan keperluan seperti pengangkutan dalam menjawab hujah hakim yang mengatakan: "Jika Jihad menjadi Fardhu Ain kepada rakyat di sebuah negeri, satu daripada syarat yang diperlukan ialah, sepertimana haji, iaitu seseorang mesti mempunyai bekal dan kenderaan jika jaraknya membolehkan Qasar (memendekkan) solat". Ibnu Taimiyah berkata: "Apa yang dikatakan oleh hakim berkenaan iaitu membandingkannya dengan Haji tidak pernah dinyatakan sebelum ini oleh sesiapapun dan adalah hujah yang lemah. Jihad menjadi kewajipan disebabkan untuk menolak kejahatan musuh, jadi ia lebih utama berbanding Hijrah. Bagi Hijrah, pengangkutan tidak disyaratkan. Bagi Jihad diberikan keutamaan yang berlainan. Ini dilanjutkan didalam hadith sahih diriwayat oleh Ibad bin Asamat bahawa Rasulullah (saw) bersabda: "Dituntut bagi Muslim itu untuk mendengar dan taat dalam kesukaran mahupun kesenangan, didalam apa yang ia suka atau benci, dan walaupun dia tidak diberikan haknya". Oleh itu, tonggak kepada kewajipan yang amat penting ini ialah berangkat berperang dalam kesukaran dan juga kesenangan. Sebagaimana telah dinyatakan, berbeza dengan Haji, kewajipan jihad tetap berlaku pada masa kesukaran. Dan ini adalah jihad ofensif. Jadi, jelas bahawa jihad defensif mempunyai tahap kewajipan yang lebih tinggi. Bagi mempertahankan kesucian dan agama daripada penceroboh adalah suatu kewajipan, disepakati ijma'. Kewajipan pertama selepas iman ialah menolak pencerobohan musuh yang menyerang agama ini dan kehidupan umatnya."[16]. Kita lihat pula pendapat daripada empat mazhab yang semuanya juga bersetuju mengenai perkara ini.

[16] Daripada Al Ikhtiyaraat Al Fuqaha oleh Ibnu Taimiyah diikuti Fatawa Kubra 4/608

Pendapat Mazhab

Fiqh Hanafi

Ibnu Abidin berkata[17] : "Jihad menjadi Fardhu Ain jika pihak musuh menyerang satu daripada sempadan kaum Muslimin, dan ia menjadi Fardhu Ain kepada mereka yang berdekatan. Kepada mereka yang jauh, hukumnya Fardhu Kifayah jika pertolongan tidak diperlukan. Sekiranya mereka diperlukan, mungkin disebabkan penduduk dekat tempat penyerangan tidak mampu menghadang musuh, atau malas dan tidak berperang jihad, maka ia menjadi Fardhu Ain kepada penduduk di belakang mereka, sepertimana kewajipan solat dan puasa. Tiada ruang bagi mereka untuk meninggalkannya. Sekiranya mereka ini juga tidak berupaya, maka hukum Fardhu Ain menyebar kepada penduduk di belakangnya, dan berterusan sehingga jihad menjadi Fardhu Ain kepada seluruh umat Islam dari Timur ke Barat".

Dan yang berikut mempunyai Fatawa yang serupa: Al Kassani[18], Ibn Najim[19], dan Ibnu Hammam[20].

Fiqh Maliki

Dalam *Hashiyat ad Dussuqi* dinyatakan: Jihad menjadi Fardhu Ain apabila berlaku serangan mengejut oleh pihak musuh. Dussuqi berkata: "Apabila ini berlaku, jihad serta merta menjadi Fardhu Ain kepada setiap orang, walaupun wanita, hamba dan kanak-kanak, dan mereka perlu berangkat walaupun penjaga, suami dan pemiutang melarang mereka pergi."[21]

Fiqh Syafi'e

Dalam *Nihayat al Mahtaj* oleh Ramli: "Jika mereka mendekati satu daripada bumi kita dan jarak mereka dan kita menjadi kurang daripada jarak dibenarkan memendekkan Solat, maka penduduk kawasan itu mesti mempertahankannya dan ia menjadi Fardhu Ain walaupun kepada orang-orang yang biasanya tiada jihad atasnya; kanak-kanak, hamba, penghutang dan wanita."[22]

Fiqh Hanbali

Dalam *Al Mughni* oleh Ibn al Qadamah: "Jihad menjadi Fardhu Ain pada tiga situasi:

1. Jika kedua-dua pihak bertemu di medan perang dan mendekati satu sama lain.
2. Jika orang-orang Kafir memasuki bumi umat Islam, jihad menjadi Fardhu Ain kepada penduduknya

[17] Hashiyat Ibn Abidin 3/238
[18] Bida'y as Sanaiy 7/72.
[19] Al Bahr ar Raa'iq oleh Ibn Najim 5/191.
[20] Fath al Qadir oleh Ibnu Hammam 5/191.
[21] Hashiyat ad Dussuqi 2/174
[22] Nihyat al Mahtaj 8/58.

3. Jika Imam mengarahkan penduduk untuk berangkat perang, maka wajib bagi mereka berangkat."[23]

Dan Ibnu Taimiyah berkomentar: "Jika musuh memasuki bumi umat Islam, tidak ragu-ragu lagi bahawa wajib bagi penduduk terdekat dan kemudian penduduk terdekat seterusnya menghalang musuh, disebabkan bumi umat Islam adalah umpama satu wilayah. Adalah wajib untuk berangkat ke kawasan tersebut walaupun tanpa keizinan orang tua atau pemiutang, dan hadith riwayat Ahmad jelas tentang perkara ini."[24]

Situasi ini dikenali sebagai Kerahan Umum.

[23] Al Mughni 8/354
[24] Al Fatawa al Kubra 4/608

Dalil untuk Kerahan Umum[25] dan Hujah-hujahnya

Allah yang Maha Kuasa dan Maha Agung berfirman: **"Berangkatlah kamu baik dalam keadaan merasa ringan (sihat, muda dan kaya) ataupun merasa berat (sakit, tua dan miskin), dan berjihadlah dengan harta dan dirimu di jalan Allah. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu jika kamu mengetahui."[26]**

Dalam ayat yang terdahulu, pengaturan hukuman dan penggantian kepada kaum yang mahu memperjuangkan Islam telah dinyatakan sebagai pembalasan kepada mereka yang tidak mahu berangkat untuk berjihad. Allah tidak menghukum kecuali kepada mereka yang meninggalkan kewajipan atau melakukan perbuatan yang dilarang. **"Jika kamu tidak berangkat untuk berperang, niscaya Allah menyiksa kamu dengan siksa yang pedih dan digantinya (kamu) dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat memberi kemudharatan kepada-Nya sedikitpun. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."[27]**

Menurut Ibnu Kathir: "Allah Yang Maha Mulia mengarahkan setiap orang berangkat bersama-sama dengan Rasulullah (saw) (kerahan umum) dalam Perang Tabuk bagi memerangi musuh Allah, orang Kafir Romawi ahli-ahli kitab". Bukhari menulis satu tajuk dalam Shahih Bukhari (bertajuk Bab Kewajipan Berangkat dan Apa yang diperlukan daripada Jihad dan Niat untuk Berjihad) dan menyatakan ayat ini". Ia adalah seruan umum kerana telah diketahui oleh kaum Muslimin bahawa tentera Romawi sedang berkumpul di sempadan Semenanjung Arab dan bersedia untuk menyerang Madinah. Jadi situasinya ialah kaum Kuffar memasuki negara Muslim, bukankah berangkat berperang menjadi kewajipan utama? Abu Talhah (ra) menyebut mengenai firman: **"...ringan ataupun berat..."**: "tua dan muda, Allah tidak mendengar alasan siapapun".[28] Dan Hasan al Basri berkata: "dalam sukar atau senang."

Ibnu Taimiyah berkata dalam Majmua al Fatawa 28/358: "Jika musuh berniat untuk menyerang kaum Muslim, maka menangkis mereka merupakan kewajipan ke atas populasi yang akan diserang dan juga populasi yang tidak diserang. Allah Yang Maha Mulia berfirman: **"(Akan tetapi) jika mereka meminta pertolongan kepadamu dalam (urusan pembelaan) agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan..."[29]** Juga, Rasulullah (saw) mengarahkan memberi bantuan kepada orang Muslim jika diperlukan. Samada ianya askar yang digaji atau tidak, dan tidak kira apa keupayaannya, ia merupakan kewajipan ke atas setiap orang dengan dirinya dan hartanya, sedikit atau banyak, berkenderaan atau berjalan kaki. Seperti yang terjadi apabila musuh meyerang Madinah dalam Perang Khandaq, Allah tidak mengecualikan seorang pun."

Az Zuhri berkata: "Said bin al Musaiyab mengikuti satu siri peperangan dan beliau buta sebelah mata. Dikatakan kepadanya: "Kamu tercedera". Beliau membalas, "Allah mengarahkan yang ringan atau berat untuk maju berangkat, jadi jika aku tidak

---

[25] Perginya Kaum Muslimin seluruhnya ke Medan Jihad
[26] Surah At Taubah: 41
[27] Surah At Taubah:39
[28] Muktasar Ibn Kathir 2/144
[29] Surah al Anfal:72

boleh berperang, kehadiranku akan meramaikan jumlah tentera dan aku boleh menjaga peralatan kamu".[30]

2. Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Agung berfirman: **"...dan perangilah kaum musyrikin** (musyrik, atheis, penyembah berhala, kafir kepada keesaan Allah) **itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya; dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa[31].[32]** Ibn Arabi berkata: "Semuanya bermaksud mengepung mereka daripada setiap penjuru dan dalam segala keadaan yang memungkinkan."[33]

3. Allah Yang Maha Kuasa dan Mulia berfirman: **"Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah** (kesyirikan dan kufur: spt. menyembah selain Allah) **dan supaya agama** (pengibadatan) **itu semata-mata untuk Allah** (di seluruh dunia)**."[34]** **Fitnah** bererti syirik sebagaimana Ibn Abbas dan as Siddi berkata[35]: "Apabila Orang-orang kafir menyerang dan menguasai sesebuah negeri, Ummah ini dalam keadaan bahaya agamanya dan mudah terpengaruh kepada penyakit ragu-ragu terhadap keimanannya. Maka, berperang menjadi kewajipan bagi melindungi agama, jiwa, *'Ard* dan harta."

4. Baginda (saw) bersabda: "Tiada hijrah selepas pembukaan kota Mekah, tetapi yang ada ialah jihad dan niat. Sekiranya kamu diarah untuk berangkat, maka berangkatlah". (Riwayat Bukhari)

Adalah berkewajipan untuk berangkat perang sekiranya ummah diseru berbuat demikian dan dalam keadaan diserang musuh. Ummah ini diseru untuk berangkat perang bagi melindungi agama. Sejauh mana kewajipan ini bergantung kepada keperluan orang Islam dan permintaan Imam. Sepertimana yang dijelaskan oleh Ibn Hajar berkenaan hadith tersebut.

Al Qurtubi berkata: "Barangsiapa yang mengetahui kelemahan kaum Muslimin pada pandangan musuh, tahu bahawa dia boleh sampai ke tempat mereka dan membantu mereka, maka dia pun termasuk diperintah berangkat perang."[36]

5. Setiap agama yang Allah turunkan menjamin lima perkara penting: agama, jiwa, *'Ard*[37], pemikiran dan harta.

Oleh itu, perlu dilakukan sesuatu untuk melindungi lima perkara ini. Oleh itu, Islam memerintahkan menangkis penceroboh.[38] Penceroboh ialah seseorang yang

---

[30] Al Jamia Li Ahkam al Quran 8/150
[31] Al Muttaqun: bererti taat dan berlaku benar, orang yang amat takutkan Allah (jauhi semua bentuk dosa dan maksiat yang dilarang) dan amat cintakan Allah (mengerjakan semua jenis kebaikan yang disuruh)
[32] Surah At Taubah:36
[33] Jamia Li Ahkam al Quran 8/150
[34] Surah al Anfal:39
[35] Al Qurtubi 2/253
[36] Fath al Bari 6/30
[37] *'Ard* merujuk kepada maruah diri atau kehormatan
[38] Jamia al Ahkam 8/150

memperlakukan keganasan ke atas orang lain seperti membunuh, merampas harta atau *‘Ard* mereka.

A- Pencerobohan terhadap *‘Ard*.

Walaupun sekiranya seorang muslim melakukan perampasan *‘Ard*, adalah berkewajipan untuk mempertahankannya daripadanya atas ijma’ ulama’ walaupun membawa kepada pembunuhannya.

Di samping itu, para ulama menyatakan tidak boleh wanita[39] muslim menyerah atau membenarkan dirinya ditangkap walaupun dia dibunuh, jika dia mempertahankan *‘Ard* nya.

B- Menghadang pencerobohan ke atas harta dan jiwa adalah disepakati oleh kebanyakan ulama, dan berpadanan dengan persetujuan Mazhab Maliki dan Syafi’e walaupun ini menyebabkan terbunuhnya penceroboh muslim itu. Dalam satu hadith sahih “Barangsiapa yang terbunuh kerana melindungi hartanya, dia syahid. Barangsiapa terbunuh kerana melindungi dirinya dia syahid. Barangsiapa terbunuh kerana melindungi keluarganya, dia syahid.”[40] Hadith sahih riwayat Ahmad, Abu Daud, at Tirmizi dan Nisa’i.

Al Jassas setelah memahami hadith ini, berkata: Kami ketahui tanpa perselisihan pendapat, jika seorang lelaki mengangkat pedang kepada orang lain untuk membunuhnya dengan zalim, maka kewajipan umat Islam membunuh pengganas tersebut.[41]

Dalam situasi ini si penceroboh terbunuh dan dia berada di neraka, walaupun dia seorang Muslim. Sebaliknya, jika si pelindung mati, maka dia syahid. Ini adalah hukum berkenaan penceroboh Muslim, jadi, bagaimana keadaannya jika kaum *Kuffar* menakluki bumi umat Islam, di mana mereka akan menindas dan menyerang agama, merampas *‘Ard,* jiwa dan harta sehingga ke tahap kehilangannya Bukankah ini merupakan kewajipan paling utama kepada kaum Muslim dalam situasi ini untuk mematahkan pencerobohon kafir, walaupun dia berseorangan maupun seluruh negara!?

6. Jika orang kafir menggunakan tawanan Muslim sebagai perisai manusia di hadapan mereka dalam kemaraan untuk menceroboh tanah umat Islam, kewajipan memerangi Kafir tetap berlaku walaupun boleh menyebabkan tawanan muslim terbunuh.

Ibnu Taimiyah berkata dalam Majmua al Fatawa 28/537: “jika di kalangan orang kafir, terdapat orang alim yang terbaik yang mana tidak mungkin kita dapat melawan kaum kafir ini kecuali dengan membunuh mereka, maka mereka perlu dibunuh. Pimpinan ulama mengatakan bahawa jika orang-orang kafir menggunakan tawanan Muslim sebagai perisai manusia, dan terdapat ketakutan di kalangan kaum Muslimin yang lain jika mereka tidak diperangi, maka dibenarkan untuk menembak mereka dengan mensasarkan kepada orang-orang kafir. Salah satu pendapat ulama ialah walaupun jika kita tidak membimbangkan Muslim itu secara umum, maka dibenarkan menembak tawanan Muslim”. Dan pada ms.45 dia berkata: “Sunnah dan Ijmak bersetuju bahawa sekiranya

[39] Wanita termasuk dalam definisi perkataan Arab “*Ard*”
[40] Hasyiat Ibn Abidin 5/383, Zila’i 6/110, Muwahib al Jalil 6/323, Tafa al Majtaj 4/124, al Inna’ 4/290, ar Rawda al Bahi 2/371, al Bahr az Zukar 6/268 dan taj al Arus Shaih al Saghir oleh Albani 6321.
[41] Ahkam al Quran oleh Jassass 1/2402

pencerobohan oleh penceroboh Muslim tidak dapat dihentikan melainkan dengan membunuhnya, maka dia mesti dibunuh, walaupun pelanggarannya hanya terhadap sebahagian daripada satu dinar. Disebabkan, dalam hadith sahih: "Barangsiapa terbunuh dalam melindungi hartanya, dia syahid"."

Dan ini adalah kerana melindungi umat Islam lain daripada fitnah dan syirik, dan melindungi agama, *'Ard,* dan harta adalah lebih utama daripada sebilangan kecil tawanan muslim di tangan orang kafir.

7. Memerangi kumpulan pemberontak Muslim.

Allah yang Maha Mulia berfirman: **"Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mu'min berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."[42]** Jika Allah mewajibkan untuk memerangi kumpulan Muslim yang memberontak, bagi menyatukan umat Islam dan mempertahankan agama ini, *'Ard,* dan harta, maka apakah hukumnya untuk berperang melawan pencerobohan kaum Kafir? Tidakkah ianya perlu diutamakan?

8. Hukum kepada seseorang yang melancarkan perang

Yang Maha Kuasa dan Maha Mulia berfirman: **"Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar."[43]**

Ini adalah hukum kepada seseorang yang melancarkan perang dari kalangan kaum Muslimin. Dia menyebarkan penderitaan dan kerosakan di muka bumi dan mencabuli harta dan *'Ard* sewenang-wenangnya. Inilah hukuman yang dijalankan oleh Rasulullah (saw) kepada puak Badwi yang khianat sepertimana dalam hadith Sahih.[44]

Apakah penyelesaian sepatutnya kepada negara Kafir yang membawa bencana kepada rakyat, agama mereka, hartanya dan *'Ard* nya? Bukankan kewajipan pertama kaum Muslim untuk memerangi mereka?

Terdapat beberapa bukti dan sebab-sebab yang menyokong perlaksanaan kerahan umum apabila kaum kafir menginjakkan kaki te bumi umat Islam.

Sesungguhnya, menolak musuh Kafir adalah kewajipan paling utama selepas iman, seperti mana kata Ibnu Taimiyah: "Kewajipan pertama selepas iman ialah menolak pencerobohan musuh yang menyerang agama ini dan kehidupan umatnya."

---

[42] Surah Al Hujurat:9
[43] Surah al Ma'idah:33
[44] Lihat al Fatha al Rabbani. Tartib Musnad al Imam Ahmad asy Syaibani oleh Ahmad Abdur Rahman al Bana1 8/128.

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا(75)

"**Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita maupun anak-anak yang semuanya berdoa: "Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri ini (Mekah) yang zalim penduduknya dan berilah kami pelindung dari sisi Engkau, dan berilah kami penolong dari sisi Engkau!".**

An Nisa:75

Bab 2
Hukum Berperang di Palestin dan Afghanistan

Telah jelas pada bab terdahulu bahawa jika *kaum kafir* mencerobohi seluas tapak tangan sahaja bumi umat Islam, jihad menjadi *Fardhu Ain* kepada rakyatnya dan penduduk sekitarnya. Jika mereka gagal mengusir *kaum kafir* disebabkan kekurangan sumber atau disebabkan kemalasan, maka *Fara'id* jihad berkembang kepada mereka yang di belakang, dan proses ini berterusan, sehingga jihad menjadi *Fardhu Ain* kepada seluruh dunia dari Timur ke Barat.

Pada keadaan ini, tidak perlu keizinan daripada suami bagi isteri, orang tua bagi anak, pemiutang bagi penghutang.

1. Dosa ditanggung pada leher setiap muslim selagi mana sejengkal bumi umat Islam masih berada tangan kaum Kuffar.
2. Dosa ini dinilai berdasarkan bidang kuasa atau keupayaannya. Dosa bagi Ulama, pemimpin dan Da'i yang terkenal didalam komunitinya adalah lebih besar dari rakyat biasa.
3. Dosa pada generasi kini, disebabkan tidak berangkat menuju ke Afghanistan, Palestin, Filipina, Kashmir, Lubnan, Chad, Eriteria dll, adalah lebih besar daripada dosa yang didapati disebabkan hilangnya bumi umat Islam sebelum ini yang jatuh ke tangan Kuffar. Kita mesti memusatkan usaha-usaha kita kepada Afghanistan dan Palestin pada masa ini[45], disebabkan ianya telah menjadi masalah utama. Tambahan pula, musuh penceroboh kita adalah sangat licik dan melaksanakan program-program bagi melebarkan kuasa pada kawasan ini. Jika kita ingin menyelesaikan masalah ini, kita akan menyelesaikan suatu urusan yang rumit. Perlindungan mereka adalah perlindungan bagi seluruh kawasan.

[45] Fatwa ini dikeluarkan pada saat Afghanistan masih berperang dengan Rusia lagi iaitu sekitar tahun 80an. Justeru pendapat Asy-Syahid Abdullah Azzam ini adalah sesuai untuk keadaan pada waktu itu sahaja, dan bukannya dalam keadaan sekarang. Allah lebih mengetahui. (Tambahan oleh Khattab Media Publication)

Bermula Dengan Afganistan[46]

Sesiapa yang mampu dari kalangan Arab berperang jihad di Palestin, maka dia mesti bermula di sana. Dan, jika tidak berupaya, hendaklah dia ke Afghanistan. Bagi keseluruhan umat Islam yang lain, aku percaya mereka mesti memulakan jihad mereka di Afghanistan. Ini adalah pendapat kami bahawa kita mesti memulakan dengan Afghanistan sebelum Palestin, bukan kerana Afghanistan lebih penting berbanding Palestin, tidak sama sekali, Palestin adalah masalah utama umat Islam. Ia adalah jantung dunia Islam, dan ia merupakan tanah yang diberkati, tetapi terdapat beberapa alasan yang menjadikan Afghanistan sebagai titik permulaan.

1. Peperangan di Afghanistan masih bergolak dan mencapai tahap kesungguhan yang kuat, yang mana tidak pernah disaksikan di kawasan pergunungan Hindu Kush, mahupun didalam sejarah Islam kebelakangan ini.

2. Panji Islam yang berkibar di Afghanistan jelas:

   "لا اله الا الله محمد رسول الله"

   Dan tujuannya jelas "untuk meninggikan kalimah Allah". Dalam artikel kedua perlembagaan *Itihad Islami* termasuk Mujahidin Afghanistan ialah: "Matlamat penyatuan ini adalah untuk menubuhkan daulah Islamiah di Afghanistan." Dan didalam artikel ketiga menyatakan: "Matlamat kami adalah diambil daripada ayat dalam Firman: "**...Keputusan** (atau hukum) **itu hanyalah kepunyaan Allah...**"[47] Hukum itu hanya untuk Tuhan sekalian alam."

3. Orang-orang Islami yang mula-mula menguasai pertempuran-pertempuran di Afghanistan. Mereka yang mengetuai jihad di Afghanistan adalah anak-anak pergerakan Islam, *Ulama,* dan *Hafiz* al Quran. Sedangkan, di Palestin pemimpin adalah dari kalangan pelbagai latar belakang, termasuk Muslim yang ikhlas, komunis, nasionalis dan Muslim moden. Mereka bersama-sama mengangkat panji negara sekular.

4. Situasi di Afghanistan masih di bawah kawalan pihak mujahidin. Mereka tetap menolak bantuan daripada mana-mana negara kafir, sedangkan Palestin bergantung sepenuhnya kepada Soviet Union, yang menahan bantuan ketika mereka sangat memerlukan. Mereka ditinggalkan untuk menyelesaikan kesusahan mereka sendiri di hadapan konspirasi dunia. Situasi mereka kini menjadi permainan di tangan kuasa-kuasa besar. Mempertaruhkan tanah mereka, rakyat dan 'Ard Palestin, mengejar mereka walaupun ke negara-negara Arab, sehingga kekuatan tentera mereka lenyap.

[46] Keseluruhan bab ini ialah pendapat yang dikeluarkan oleh Asy-Syahid Abdullah Azzam pada saat Afghanistan masih berperang dengan Rusia lagi iaitu sekitar tahun 80an. Justeru, fatwa dalam bab ini adalah lebih sesuai untuk keadaan pada waktu itu sahaja, dan bukannya dalam keadaan sekarang. Allah lebih mengetahui. (Tambahan oleh Khattab Media Publication)
[47] Surah Yusuf: 40

5. Terdapat lebih daripada 3000 km sempadan yang terbuka luas di Afghanistan dan kawasan puak-puak yang tidak dipengaruhi politik. Ini membentuk sebuah perisai perlindungan untuk mujahidin. Bagaimanapun, situasi di Palestin benar-benar bercanggah. Sempadan ditutup, tangan-tangan diikat, mata-mata pihak berkuasa mengintip dari segenap penjuru terhadap sesiapa yang cuba menyusup ke dalam sempadan untuk membunuh kaum Yahudi.

   Syafi'e berkata dalam *Al Umm* 4/177: "Jika terdapat situasi yang berbeza musuhnya, yang satu lebih mengancam dan menakutkan daripada yang lain, Imam perlu menyuruh kepada yang lebih menakutkan dan mengancam. Ini diterima, walaupun rumahnya lebih jauh. Alasannya, *Insha Allah,* dalam hal ini kamu membuktikan yang kamu tidak takut, dan menjadi contoh kepada yang lain. Keputusan ini disebabkan keperluan, melakukan apa yang dibenarkan pada masa-masa perlu adalah dilarang pada masa lainnya. Ini berlaku pada masa Rasulullah (saw) apabila baginda mendengar bahawa Harith Abi Dirar telah mengumpul pasukannya untuk menyerang baginda. Baginda (saw) menyerangnya, walaupun terdapat musuh yang lebih dekat dengannya. Juga, apabila baginda diberitahu bahawa Khalid bin Abi Sufyan Ibn Shuh mengumpul pasukannya, baginda mengutus Ibn Annis yang kemudian membunuhnya, walaupun terdapat musuh yang lebih dekat.

6. Orang-orang Afghanistan terkenal dengan keberanian dan harga diri. Seolah-olah Allah Yang Maha Agung dan Yang Maha Mulia menyediakan gunung-gunung dan muka bumi di sana khusus untuk jihad.

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ الشُّقَّةُ وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوِ اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنْفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ(42)

Kalau yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh, pastilah mereka mengikutimu, tetapi tempat yang dituju itu amat jauh terasa oleh mereka. Mereka akan bersumpah dengan (nama) Allah: "Jikalau kami sanggup tentulah kami berangkat bersama-samamu" Mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah mengetahui bahwa sesungguhnya mereka benar-benar orang-orang yang berdusta.
Surah At-Taubah:42

Bab 3
Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah

Fardhu Ain

Ialah kewajipan ke atas setiap individu Muslim untuk mengerjakannya seperti solat dan puasa.

Fardhu Kifayah

Ialah kefardhuan yang jika dilakukan oleh sebahagian orang, lepaslah tanggungjawab terhadap yang lain. Maksud *Fardhu Kifayah* ialah sekiranya tidak cukup bilangan orang yang menunaikannya, maka semua orang dalam keadaan berdosa. Jika jumlah orang yang melakukannya mencukupi, kewajipannya gugur bagi yang lain. Tuntutannya pada mulanya adalah seperti tuntutan menegakkan Fardhu Ain, tetapi berbeza kerana Fardhu Kifayah gugur apabila diperbuat oleh sejumlah manusia. Tetapi kewajipan Fardhu Ain tidak gugur dengan sebarang jumlah orang yang melakukannya.[48] Sebab itulah Fakhur Razi mendefinisikan Fardhu Kifayah sebagai kewajipan yang dilaksanakan tanpa melihat kedalam hati si pelakunya.

Syafi'e berkata: "Fardhu Kifayah ialah perintah kepada setiap orang dan cuma dituntut dilakukan oleh sebahagian".[49] Definisi ini disepakati oleh majoriti ulama, antaranya Ibn Hajib, al Amdi dan Ibn Abdu Shakur, menyatakan bahawa Fardhu Kifayah adalah tanggungjawab setiap orang, tetapi digugurkan dengan dilaksanakan oleh sebahagian. Kini, mereka memperkatakan tentang hukum jihad, dan mereka menganggapnya sebagai Fardhu Kifayah, iaitu tanggungjawab setiap orang, tetapi digugurkan sekiranya dilakukan oleh sebahagian yang lain. Berdasarkan pendapat ini, kewajipan berjihad di Afghanistan ialah Fardhu Kifayah. Malah, adalah kewajipan atas setiap muslim di seluruh dunia untuk memenuhi kefardhuan ini, sehingga pengusiran Rusia dan Komunis dari Afghanistan. Dosa ini ditanggung di pundak semua orang sehingga pengusiran komunis secara keseluruhan. Disebabkan kefardhuan atau kewajipan dalam keadaan diserang oleh orang-orang kafir ialah: pengusiran orang-orang kafir daripada bumi umat Islam.

Sesetengah orang dari jauh mengatakan, "Jihad di Afghanistan memerlukan wang, bukannya personel". Perkataan ini jauh dari kebenaran kerana dalam jarak waktu lebih kurang enam tahun pencerobohan Rusia ke atas Afghanistan, berlaku penghijrahan 5 juta pelarian ke luar dan 7 juta pelarian ke dalam, bertebaran di gunung-gunung dan di pedalaman, adalah cukup bagi menjawab pernyataan ini.

Menurut As Sayyaf: "14 negara, yang pertama ialah Kesatuan Soviet, diikuti Pakatan Warsaw dan komunis internasional, bergabung dalam memerangi kami. Sedangkan umat Islam dalam dunia Islam masih lagi mempertikaikan: "Adakah jihad di Afghanistan Fardhu Ain atau Fardhu Kifayah?" Biarlah umat Islam menunggu sehingga

---

[48] Al Mughni oleh Ibn Qudamah 8/345.
[49] Lihat Al Mahsul oleh ar Rasi dan Tahqiq oleh Dr.Taha Jabiraj lihat2 31 ص.

orang terakhir syahid, kemudian baru mereka percaya bahawa jihad itu Fardhu Ain, sedangkan diketahui sehingga kini telah pun terdapat hampir satu setengah juta Syuhada.

Orang-orang Afghan berkata: "Kehadiran seorang Arab di kalangan kami lebih kami sukai daripada satu juta dollar."

Ulama (Sayyaf) dalam menyeru kepada para ulama dan Da'i dalam majalah Jihad, edisi sembilan:

Kami nukilkan:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله و بركاته

Segala puji bagi Allah dan selawat dan salamnya kepada Rasulullah, keluarganya, para sahabat dan sesiapa yang diberi petunjuk olehNya.
Adapun sesudah itu,

Kamu mengetahui jihad di Afghanistan, bermula dan sedang berterusan untuk meninggikan kalimah Allah, dan untuk menegakkan negara berdasarkan Al Quran. Bagi menyempurnakan matlamat ini, kami memerlukan mujahidin yang memahami Islam dan mereka yang dapat memelihara prinsip sebenar Jihad Islam. Oleh itu, kami memerlukan da'i dan ulama, bagi mengajar dan mengarahkan kami secara berterusan. Kamu perlu tahu telah ramai pengajar dan ulama telah syahid di lapangan jihad Afghanistan. Sebab itulah kami sangat memerlukan orang yang boleh mengajar, memantau dan mengarahkan di sekolah mujahidin, khemah-khemah latihan, khemah pelarian dan di medan perang sehingga Allah Ta'ala membantu kita mencapai matlamat yang diharapkan. Kami memerlukan ulama dan tenaga pengajar lebih dari tenaga profesional atau pakar lainnya. Semoga Allah membantu kami dan kamu dalam berkhidmat untuk Islam dan umat Islam.

Saudaramu,
Abdur Rabbir Rasul Sayyaf
Bakhtia Jaji
3 syawal 1405 H

Izin daripada Orang tua, Suami dan Pemiutang

Keperluan untuk meminta izin bergantung kepada status musuh:

1. Jika musuh berada dalam negaranya, tidak berkumpul di sekitar sempadan, tiada kesan kepada negara Muslim, dan sempadan penuh dengan tentera, maka jihad dalam situasi ini hanyalah fardhu kifayah, dan keizinan adalah diperlukan. Ini kerana kepatuhan kepada orang tua dan suami adalah fardhu ain dan jihad hanyalah fardhu kifayah. Fardhu ain didahulukan atas fardhu kifayah.
2. Jika musuh menyerang sempadan umat Islam atau menginjak mana-mana bumi umat islam, maka seperti yang kami nyatakan sebelum ini, jihad menjadi fardhu ain kepada seluruh penduduk negara itu dan di sekitarnya. Dalam situasi ini, izin tidak diperlukan. Tidak perlu izin siapapun ke atas yang lain, walaupun anak-anak pergi tanpa izin orang tuanya, isteri tanpa izin suaminya dan penghutang tanpa izin pemiutang.

Keadaan izin daripada orang tua dan suami tidak diperlukan kekal sehingga musuh diusir dari bumi umat islam, atau apabila berkumpul bilangan yang cukup untuk mengusir musuh walaupun seluruh muslim di dunia berkumpul.

Jihad, apabila menjadi fardhu ain, diutamakan mengatasi ketaatan kepada orang tua, yang juga fardhu ain. Disebabkan jihad ialah perlindungan terhadap agama, dan ketaatan kepada orang tua adalah berkasih sayang kepada individu. Iaitu, jihad (dengan kesedihan dan kepiluan keluarga yang disebabkan olehnya) adalah perlindungan kepada agama yang mempunyai keutamaan ke atas perlindungan individu. Tambahan pula, jihad itu sendiri adalah kematian kepada mujahid jika dia syahid. Yang mana perlindungan terhadap agama terjamin. Sedangkan belum pasti lagi bahawa pemergian untuk Jihad akan menyedihkan ahli keluarga. Yang pasti didahulukan atas sesuatu yang belum pasti.

Contoh Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah

Sebagai contoh, sekumpulan orang berjalan di pesisir pantai dan di kalangan mereka terdapat sekumpulan perenang yang baik. Mereka melihat seorang kanak-kanak hampir lemas. Dia menjerit "Selamatkan saya!", dan tiada siapa maju ke arahnya. Salah seorang yang tahu berenang bergerak mahu menyelamatkannya tetapi bapanya melarangnya. Bolehkah mana-mana ulama pada hari ini dan masa ini berkata perlu baginya mematuhi bapanya dan membiarkan anak itu lemas?

Inilah contoh di Afghanistan hari ini. Ia menjerit meminta tolong, anak-anaknya disembelih, wanita-wanitanya diperkosa, yang tidak bersalah dibunuh dan mayat mereka bergelimpangan, dan apabila pemuda-pemuda yang ikhlas mahu menyelamatkan dan membantu, mereka dikritik dan dipersalahkan: "Bagaimana kamu boleh pergi tanpa keizinan orang tuamu?"

Menyelamatkan anak yang hampir lemas ialah fardhu (kewajipan) ke atas semua yang tahu berenang yang menyaksikannya. Sebelum sesiapa maju, terdapat seruan kepada semua untuk menyelamatkannya. Jika seorang maju menyelamatkannya, dosa gugur daripada yang lain. Tapi, jika tiada siapapun maju, semua yang tahu berenang adalah berdosa.

Tiada keizinan diperlukan untuk sesiapa maju. Walaupun ibu bapanya melarang, mereka tidak perlu ditaati. Disebabkan, panggilan pada permulaan bagi Fardhu Kifayah adalah sama seperti panggilan kepada Fardhu Ain. Perbezaan wujud hanya pada selepasnya. Jika sesiapa memenuhi panggilan itu, maka dosa gugur daripada yang lain. Jika tiada, semuanya berdosa.

Ibnu Taimiyah berkata: "Jika musuh menyerang, tiada tempat untuk berselisih pendapat. Bahkan, melindungi daripada serangan mereka kepada agama, jiwa dan harta benda adalah kewajipan sebagaimana dipersetujui ijmak."[50]

Bukti menunjukkan keizinan daripada ibu bapa dalam Fardhu Kifayah dan ketiadaan izin dalam Fardhu Ain diambil penyelarasannya daripada dua hadith:

Pertama: sebuah hadith riwayat Bukhari. Abdullah Ibn Amr bin al Aas ra berkata: "Seorang pemuda datang kepada Rasulullah (saw) meminta keizinan untuk berjihad. Baginda berkata, "Adakah ibu bapamu masih hidup". Dia menjawab "Ya". Baginda berkata. "Berjihadlah kepada mereka".
Kedua: Ibn Habban meriwayatkan daripada Abdullah bin Amr ra[51]: "seorang pemuda datang kepada Rasulullah (saw) dan bertanyakan kepadanya mengenai amalan yang utama. Baginda menjawab, "Solat". Dia berkata, "Kemudian?". Baginda menjawab, "Jihad". Dia berkata, "Aku mempunyai dua ibu bapa". Baginda berkata, "Aku mengarahkan kamu berbuat baik terhadap mereka". Dia berkata, "Demi Yang Mengutuskanmu dengan kebenaran, aku akan berperang jihad dan meninggalkan mereka". Baginda berkata, "Kamu tahu yang terbaik".[52]

---

[50] Al Fatawa Al Kubra 4/607
[51] Lihat Fathul Bari 6/105
[52] Fathul Bari 6/106 disahkan oleh Ibn Habban dan ianya sahih dan dilemahkan oleh al Hafiz dalam Al Fath, dia mengatakan ianya hasan atau sahih

Al Hafiz berkata: "Dapat difahami di sini, bahawa jihad ialah fardhu Ain bagi menyesuaikan dua hadith."[53]

[53] Fathul Bari 6/106

Keizinan daripada Syeikh dan Guru

Tiada riwayat yang kami ketahui daripada kalangan ulama atau salaf mengatakan bahawa syeikh atau guru mempunyai hak untuk mengizinkan anak muridnya untuk beramal ibadah, samada ianya Fardhu Kifayah atau Fardhu Ain. Sesiapa yang mengatakan sebaliknya, biar dia mendatangkan bukti daripada syariah atau dalil jelas. Setiap muslim mesti bersiap untuk jihad tanpa meminta izin daripada syeikh atau guru. Keizinan daripada Tuhan semesta Alam didahulukan, dan Dia sudah pun memberi keizinan. Malah, Dia telah mewajibkannya.

Ibn Hubaira berkata: "Rancangan syaitan adalah untuk menimbulkan tuhan palsu dalam salah faham untuk menjadikan penyembahan yang dipuja selain Allah. Apabila kebenaran telah dibuktikan, dia berdalih: "Ini bukan amalan mazhab kami." Maka, dia meletakkan kesetiaannya kepada seseorang yang diyakininya dan membenarkan segala perkara daripadanya.

Jika seorang murid hendak belajar kejuruteraan, perubatan atau sejarah di negara barat atau di Amerika, yang mana fitnahnya seperti hitam malam, keghairahan bergelumang di sekelilingnya seperti gelombang dan lautan menyemarakkan nafsu yang bergelora. Aku katakan, jika murid ini pergi tanpa izin syeikhnya, dia atau yang lainnya tidak akan dimarah. Tapi, jika dia pergi untuk ribath atau berjihad, kamu dapati tohmahan tepat ke arahnya dari setiap arah mengatakan: "Bagaimana dia pergi tanpa keizinan?" Syeikh itu gagal untuk menyampaikan perkataan mulia dari Rasulullah (saw): "Berjaga semalam di jalan Allah adalah lebih baik daripada seribu malam berdiri solat malam dan berpuasa di siangnya."[54]

Dalam Sahih Muslim: "Ribath sehari dan semalam adalah lebih baik daripada sebulan berpuasa dan solat. Jika dia mati, amalannya berterusan selepasnya, rezekinya disediakan, dan dia selamat daripada *Fittan*[55].[56] Dan: "berpagi-pagi dan berpetang-petang di jalan Allah lebih baik dari dunia dan seisinya." Ijma' umum.

Adalah sepatutnya syeikh dan anak muridnya untuk bersegera membuat kebaikan dan mengharapkan kebaikan, dan tidak membiarkan nasihat Rasulullah (saw) melewati mereka: "Rebutlah lima perkara sebelum lima perkara: hidupmu sebelum mati, sihat sebelum sakit, masa lapang sebelum masa sibuk, masa muda sebelum tua dan kaya sebelum miskin."[57] Sepatutnya bagi mereka untuk memberikan tumpuan kepada hadith: "Berdiri sejam di perbatasan di jalan Allah adalah lebih baik daripada enam puluh tahun dipenuhi solat malam." Riwayat Ahmad, al Hakim dan ad Darami.[58] As Syafie berkata: "Orang Islam bersetuju bahawa jika sunnah rasul telah dijelaskan kepadamu, tidak dibenarkan menyelisihinya dengan kata-kata sesiapapun."

[54] Riwayat Ibn Majah, at Tabrani, Al baihaqi, Shahih al Hakim, diiktiraf oleh az Zahabi, dan al Hafiz berkata sanadnya hasan, lihat Fath al Rabbani 10/95.

[55] FIttan: yang menyebabkan fitnah besar, seperti soalan di kubur atau ad dajjal

[56] Mukhtasar Muslim 1075

[57] Riwayat al Hakim dan al Baihaqi dan ianya sahih. Lihat Sahih al Jamia as Sahih oleh Albani 1088.

[58] Sahih al Jamia as Saghir oleh Albani 4305

Jihad Dengan Harta

Tidak dinafikan berjihad dengan jiwa adalah lebih tinggi nilainya berbanding berjihad dengan harta. Sebab itu, para sahabat yang kaya waktu zaman rasulullah (saw) tidak dikecualikan daripada berjihad dengan diri mereka seperti Uthman dan Abdur Rahman bin Auf ra. Disebabkan pembersihan jiwa dan peningkatan semangat diangkat ke darjat yang tinggi di medan peperangan. Kerana itulah Rasulullah (saw) menasihatkan salah satu daripada sahabatnya dengan perkataan: "...berpeganglah kepada jihad, kerana ia adalah kehidupan untuk Islam"[59]. Hadith Sahih riwayat Ahmad.

Sebab itu juga, apabila Rasulullah ditanya: "Adakah orang mati syahid itu ditimpa fitnah kubur?" baginda menjawab, "Cukuplah fitnah di medan perang dengan berkecamuknya perang yang dialaminya."[60] Hadith sahih riwayat Nasa'i.

Tambahan pula, Rasulullah Shallahu 'Alaihi wasallam memberi amaran kepada sesiapa yang mengutamakan dunia dan meninggalkan jihad. Pernah sekali baginda menunjukkan kepada sebuah bajak tanah sambil berkata: "Tidak akan masuk ia ke rumah kecuali orang yang akan Allah hinakan ia dengannya."[61] Riwayat Bukhari dalam sahihnya. Juga dalam hadith sahih: "Jika kamu berjual beli *Inah* (riba' dengan menjual barang kepada seseorang dan kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih murah), berpegang kepada ekor lembu, berpuas hati dengan bercucuk tanam dan meninggalkan jihad, Allah akan menimpakan kehinaan kepada kamu dan tidak akan menariknya sehinggalah kamu kembali kepada agama."[62] Riwayat Abu Daud.

Juga, dalam hadith sahih: "Jangan menerima *Day'at,* ia akan membuatkan kamu puas dengan kehidupan dunia".[63] *Day'at* adalah industri atau pembinaan. Dalam hadith ini, Rasulullah (saw) telah menyenaraikan kesukaan kepada dunia dan punca pekerjaan: pertanian, perdagangan dengan riba dan perbuatan *Inah*, penternakan haiwan, industri, dan pembinaan (*Day'at*). Untuk sibuk dengan urusan ini, dalam keadaan Islam menerima konfrontasi di medan perang dan di jurang kebinasaan adalah haram dan dosa besar berdasarkan Syariah.

Jihad dengan harta ialah kewajipan sekiranya mujahidin memerlukannya, kefardhuan ini termasuk kepada harta wanita dan kanak-kanak, walaupun sekiranya jihad itu Fardhu Kifayah, seperti mana yang diputuskan oleh Ibnu Taimiyah.[64] Sebab itu, dilarang untuk menyimpan harta pada masa harta diperlukan. Ibnu Taimiyah pernah ditanya: "Kami hanya mempunyai wang samada untuk memberi makan orang yang kelaparan atau membantu jihad, yang mana perlu diberi". Beliau menjawab, "Kami memberi keutamaan kepada jihad, walaupun orang yang kebuluran itu akan mati tanpa makanan. Seperti kes perisai manusia, yang mana mereka mati tanpa disengajakan dengan tangan kami, mereka ini mati dengan perbuatan Allah."[65]

---

[59] Sahih al Jamia as Saghir oleh Albani 4305
[60] Sahih al Jamia as Saghir oleh Albani 4359
[61] Silsilah al Ahadis as Shahih oleh Albani 10
[62] Silsilah al Ahadis as Shahih oleh Albani 11
[63] Silsilah al Ahadis as Shahih oleh Albani 12
[64] Al Fatawa al Kubra 4/608.
[65] Al Fatawa al Kubra 4/608.

Al Qurtubi berkata[66]: Ulama bersependapat bahawa jika kaum muslimin memerlukan apa-apa keperluan, selepas mereka membayar zakat, mereka perlu membelanjakan apa sahaja sumber yang mereka ada untuk memenuhi keperluan itu". Malik[67] berkata : "Adalah kewajipan ke atas rakyat untuk membayar tebusan bagi membebaskan orang yang ditawan dari kalangan mereka, walaupun ianya menghabiskan hartanya. Ini juga disepakati ijmak."

Perlindungan terhadap agama didahulukan ke atas individu. Perlindungan individu didahulukan ke atas perlindungan harta. Oleh itu, harta yang kaya tidak lebih bernilai daripada darah para mujahidin.

Yang kaya sepatutnya berwaspada dengan hukum Allah mengenai harta mereka, dalam masa jihad amat memerlukan harta, dan agama umat Islam dan negaranya hampir di jurang kebinasaan. Orang-orang kaya mabuk dengan kemewahan. Sekiranya mereka cuma menahan sehari perbelanjaan mereka dan menahan tangan mereka daripada membazirkan wang kepada perkara remeh, lalu memberikannya kepada mujahidin di Afghanistan, yang kaki mereka kebas kerana salji dan mati kesejukan. Mereka tidak menemui makanan dan tiada amunisi untuk melindungi diri mereka.

Aku katakan, jika orang kaya memberikan apa yang mereka bazirkan kepada mujahidin Afghan, wang mereka, dengan izin Allah, akan membantu melonjakkan ke arah kemenangan. Majoriti ulama, kebanyakan di kalangan mereka, yang dimuliakan Syeikh Abdul Aziz bin Bazz, telah mengeluarkan fatwa yang menyeru memberikan zakat kepada mujahidin Afghan adalah amal yang terbaik dan kebajikan terbagus.

Kesimpulan

Pertama: Jihad dengan jiwamu adalah Fardhu Ain ke atas setiap Muslim di seluruh dunia.

Kedua: Tiada keizinan untuk seorang daripada yang lain untuk berjihad dan tiada keizinan daripada ibu bapa diperlukan.

Ketiga: Jihad dengan hartamu ialah Fardhu Ain dan adalah haram untuk menyimpan harta sedangkan jihad amat memerlukan wang umat Islam.

Keempat: Meninggalkan jihad ialah seperti meninggalkan puasa dan solat, malah meninggalkan jihad adalah lebih teruk lagi pada hari ini. Kami nukilkan dari Ibnu Rusyd: "Adalah dipersetujui apabila jihad menjadi Fardhu Ain, ia mengambil keutamaan daripada kefardhuan Haji."

[66] Al Qurtubi 2/242.
[67] Al Qurtubi 2/242.

Bab 4
Persoalan Besar dan Soalan-soalan Penting

Bolehkah Kita Memenuhi Fatwa ini pada masa kini?

Selepas mengetahui semuanya, seseorang mungkin akan berkata: "Kami mengetahui bahawa jihad dengan diri pada hari ini ialah Fardhu Ain dan jihad pada saat ini adalah kefarduan seperti solat dan puasa, bahkan, jihad dengan diri merupakan keutamaan berbanding solat dan puasa seperti mana perkataan Ibnu Taimiyah: "Kewajipan pertama selepas Iman ialah menghadang kemaraan musuh yang menyerang agama dan kehidupan umatnya"[68]

Solat boleh ditangguhkan, dikumpulkan (jamak), kurangkan rakaatnya (Qasar) atau kedudukannya boleh berubah dalam jihad. Dalam Sahihain: "Allah mengisi rumah dan kuburan mereka dengan api disebabkan mereka menyibukkan kita daripada solat Asar sehingga matahari terbenam".

Dan, seorang mujahid dibolehkan membatalkan puasa di bulan Ramadhan, sepertimana yang diriwayatkan Muslim, bahawa Rasulullah (saw) berbuka puasa pada pertengahan jalan menuju pembukaan kota Mekah dan bersabda: Kamu akan berhadapan dengan musuh pada waktu pagi. Berbuka puasa akan menyebabkan kamu lebih kuat, maka berbukalah".

Telah jelas kepada kita bahawa tiada izin diperlukan daripada sesiapapun apabila jihad menjadi fardhu Ain. Sepertimana tiada izin diperlukan daripapa bapa, syeikh, atau penjaga bagi menunaikan solat subuh sebelum matahari terbit.

Sama juga, tiada izin diperlukan dalam kefardhuan jihad. Sebagai misal, jika seorang bapa dan anaknya tidur di suatu tempat, dan si anak mahu solat *Fajr* tetapi bapanya tidur. Adakah sesiapa mencadangkan si anak mesti mendapatkan izin bapanya bagi mengerjakan kefardhuan solat? Mungkin si bapa akan menghalang anaknya solat kerana sebab-sebab tertentu, mungkin kerana tidak mahu mengganggu orang lain yang tidur (yang tidak solat *Fajr)* atau mungkin si bapa tidak mahu mengerjakan solat. Adakah perlu si anak mentaati bapanya? Jawapannya jelas: "Ketaatan hanya kepada apa yang benar".[69] Disepakati, dalam Sahih al Jamia 2323. "Tida ada ketaatan kepada makhluk dalam maksiat kepada Khalik"[70]. Hadith sahih riwayat Ahmad. Meninggalkan jihad adalah berdosa, dan tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam maksiat kepada Khalik (Pencipta).

Berkenaan Izin

Persoalan berkenaan izin: bagi menghuraikan masalah ini kami katakan, dengan petunjuk Allah, para sahabat (ra) tidak pernah meminta izin kepada Rasulullah (saw) apabila panji perang sudah berkibar dan umat diseru untuk berangkat. Tetapi meminta izin dan perundingan dengan Rasulullah (saw) berlaku apabila mereka sendiri memutuskan untuk

---

[68] Al Fatawa al Kubra 4/608
[69] Sahih al Jamia as Saghir oleh Albani 3967
[70] Sahih al Jamia as Saghir oleh Albani 7397

berangkat atau selepas mereka mendaftar nama untuk sesuatu ekspedisi. Dalam hadith sahih riwayat Ahmad dan Nasa'i daripada Muawiyah Ibn Jahima as Salmi: "Jahima datang kepada Rasulullah dan berkata: "Ya Rasulullah (saw), Aku hendak menyertai ekspedisi dan aku datang untuk meminta pandanganmu". Baginda bertanya "Adakah kamu mempunyai ibu?" beliau menjawab "Ya". Baginda bersabda, "Tinggallah bersamanya kerana syurga di bawah tapak kakinya".[71]

Dalam riwayat lain: "Aku telah mendaftar pada sekian dan sekian ekpedisi". Ini berlaku pada masa hukum jihad Fardhu Kifayah.

Jika jihad menjadi Fardhu Ain, selepas diseru, meminta izin kepada Rasulullah (saw) merupakan tanda-tanda munafiq yang jelas. Padanya turun ayat: **"Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan Allah mengetahui orang-orang yang bertakwa[72]. Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan hati mereka ragu-ragu, karena itu mereka selalu bimbang dalam keragu-raguannya."[73]**

Berdasarkan petunjuk Khulafa' ar Rasyidin Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali (ra), kami tidak mengetahui di kalangan para sahabat ataupun salaf yang meminta izin kepada mereka. Bukanlah masalahnya setiap orang yang ingin menyertai sesuatu ekspedisi atau perang jihad, datang kepada Abu Bakar dan meminta izin kepadanya. Perkara penting adalah panji mesti dikibarkan, dan pasukan mesti dihantar.

Kemudian, dengan merujuk kepada *Amirul Mukminin* selepas khalifah, kami tidak mengetahui sesiapa yang meminta kebenaran daripada mereka untuk *Ribatt* atau berperang dalam jihad. Juga kami tidak tahu mana-mana individu dalam sejarah Islam dihukum oleh *Amir* kerana menyertai jihad atau sesuatu ekspedisi tanpa kebenaran. Sebenarnya, kebenaran perlu daripada komander di medan perang semasa ekspedisi atau serangan untuk mengendalikan organisasi dan supaya tidak menggendalakan perancangan umat Islam.

Sesetengah ulama Islam seperti Auza'i mengkhususkan bahawa kebenaran daripada Imam hanya untuk askar yang digaji oleh kerajaan. Ar Ramli berkata dalam *Nihayat al Mahtaj* 8/60: "Bagi menyertai sesuatu ekspedisi tanpa izin daripada Imam atau pembantunya adalah perkara yang dibenci, kecuali di bawah tiga keadaan berikut:

1. Jika meminta izin menyalahi objektif
2. Jika Imam tersilap lalu mengarahkan pembatalan ekspedisi
3. Jika seseorang berfikir dia akan dizalimi atau ditolak keizinannya dengan tidak benar. Disahkan oleh al Balqini."

Kami menggariskan semua ini apabila jihad itu Fardhu Kifayah. Tetapi, jika jihad menjadi Fardhu Ain, tidak perlu keizinan. Ibnu Rusyd berkata: "Imam perlu ditaati walaupun ianya zalim. Selagi mana dia tidak mengarahkan dosa (maksiat). Menghalangi daripada berjihad pada masa Fardhu Ain adalah dosa.[74]

[71] Nailul Autar 8/37
[72] Orang yang takut kepada Tuhan
[73] Surah At Taubah:44-45
[74] Lihat Fath al'Ali al Malik oleh Sheikh 'Alish 1/390

Kami lanjutkan mengumumkan hal ini: keizinan diperlukan dalam Fardhu Kifayah, hanya selepas bilangan mujahidin mencukupi dan mampu memenuhi kefardhuan itu. Sebelum kecukupan dipenuhi, seruan ditujukan kepada semua dan kewajipan kepada semua, tetapi ianya dibebaskan dengan berbuatnya sebahagian yang lain. Tiada perbezaan antara Fardhu Kifayah dan Fardhu Ain sebelum kecukupan (Kifayah) dipenuhi.

Sebelum dipenuhi, tidak boleh meminta keizinan. Keizinan dibolehkan hanya selepas bilangan muslim di medan perang sudah mencukupi dan mampu memenuhi keperluan Fardhu.

Selepas semua ini seseorang mungkin berkata:

Kami tahu bahawa jihad adalah Fardhu Ain dan tidak perlu izin daripada sesiapa untuk berjihad, namun masih terdapat beberapa persoalan penting:

Soalan Pertama:
Bolehkah kita menggunapakai kerahan tenaga pada masa ini?

Sesetengah orang merasakan Kerahan Umum sebagai keperluan dalam Islam, iaitu isteri pergi tanpa keizinan suaminya, dan anak tanpa keizinan bapanya, adalah terlalu mendesak kerana sebab-sebab berikut:

1. Semua negara umat Islam tidak cukup besar walaupun untuk menampung sebahagian daripada beribu-ribu umat Islam.
2. Ini membawa kepada tergendalanya proses pendidikan Islam yang merupakan harapan, dengan izin Allah, bagi menyelamatkan Ummah.
3. Ini membawa kepada proses pemindahan dari kawasan umat Islam, iaitu jika semua orang berangkat jihad ke Palestin atau Afghanistan, mereka akan meninggalkan ruang terbuka untuk Komunis, Bathis, Nasionalis dan Sekularis.

Jawapan:

Sekiranya umat Islam mengerjakan arahan Allah dan menggunapakai hukum syariah bagi keberangkatan umum hanya untuk seminggu sahaja di Palestin, Palestin akan dapat dibersihkan daripada Yahudi. Sama seperti situasi di Afghanistan, tidak akan berlarutan jika ummah mahu berangkat maju. Tambahan pula, tidak akan ada kehilangan *Da'i,* ataupun rumah tidak akan dirobohkan dengan keluarnya wanita mereka. Tetapi, dalam setiap keadaan, kita menunggu dan menangis. Kita lihat kawasan Islam jatuh di bawah penguasaan orang-orang kafir, sehingga mereka menelan semuanya, akhirnya kita kenang mereka dengan keluhan dan linangan air mata.

Malangnya apabila kita berfikir tentang Islam kita berfikir secara nasionalis (kenegaraan). Kita gagal melepasi sempadan geografi yang diaturkan kepada kita oleh kaum kafir.

Anak-anak penduduk bandar Ar Ramsa di Jordan bersempadan dengan Syria merasa persaudaraan dan berfikir secara Islami terhadap anak-anak Aqabah di Jordan, berjarak enam ratus kilometer, lebih daripada dia kasihi berbanding anak-anak di Dara, Bandar Syria, sepuluh kilometer dari Ar Ramsa. Sekalipun pada faktanya anak-anak di Dara dan anak-anak Aqabah adalah sama-sama penganut Muslim, walaupun anak-anak Dara lebih beragama berbanding anak-anak Jordan di Aqabah.

Soalan Kedua:
Bolehkah kita berperang sedangkan tiada Amir?

Ya, kami berperang dan kami tiada seorang Amir. Tiada yang pernah mengatakan dengan ketiadaan komuniti Muslim di bawah pimpinan Amir membatalkan kefardhuan jihad. Bahkan, kami melihat Muslim pada masa pemerintahan Salib dan penaklukan Tartar, berperang di bawah Amir yang berbeza. Di Halab (di Syiria) terdapat seorang Amir, Di Damaskus terdapat seorang Amir, Di Mesir terdapat lebih dari seorang Amir. Sesetengah daripada mereka malah memohon pertolongan daripada Kristian dalam menentang saudara Amir mereka, sepertimana apabila Shawar memohon bantuan Kristian menentang Amir yang lain, Dar Gham, di Mesir.

Tiada seorang ulama pun mengatakan situasi seperti ini dan kerosakan moral ini membatalkan kewajipan jihad bagi mempertahankan bumi umat Islam. Sebaliknya, ini melipat gandakan tugas mereka. Sama seperti yang berlaku di Andalusia, seorang penyair bersajak:

"*mereka berpecah kepada kumpulan, setiap tempat satu,*
Setiap tempat seorang Amir dan setiap mimbarnya"

Dan yang lain menulis,

"Apa yang menjadikan aku putus asa kepada Andalusia, ialah kedudukan rajanya,
Kedudukan besar yang mereka tidak layak,
Seperti kucing yang meniru singa dengan menghembus-hembus dirinya"

Tiada seorang ulama mengatakan tiada jihad pada keadaan ini, bahkan, para ulamalah yang berada di barisan hadapan di Andalusia.

Peperangan mungkin dibatalkan dengan arahan sah daripada Amir. Sepertimana pada perang Mu'tah. Khalid bin Walid tampil dan mengibarkan bendera, dan dengannya, Allah menyelamatkan tentera Muslim. Dan, untuk ini dia dipuji oleh Rasulullah (saw).

Mungkin Imam atau *Amirul Mu'minin* tidak wujud, tetapi tidak membatalkan kewajipan untuk berperang dan mempertahankan bumi umat Islam. Kita tidak menunggu untuk pengembalian semula khilafah. Disebabkan, khilafah tidak akan kembali hanya dengan teori abstrak, ilmu dan belajar. Malah, jihad ialah jalan sebenar untuk menyatukan penguasaan yang berpecah belah dibawah kuasa Khilafah.

Para mujahidin melantik amir Jihad di kalangan mereka. Dia mengatur mereka dan menyatukan usaha mereka dan menjadikan yang kuat mendokong yang lemah. Dalam hadith sahih daripada Uqbah bin Amar, iaitu dari kalangan pasukan terkenal, berkata: "Rasulullah (saw) menghantar satu pasukan dan baginda melantik di kalangan mereka ketua. Sekembalinya dia berkata, "Aku tidak pernah melihat Rasulullah (saw) marah sehebat ini dan menyalahkan kami. Baginda bersabda, "Adakah kamu tidak berupaya jika aku utus seseorang dan dia gagal menjalankan tugasnya, untuk menggantikannya dengan orang lain yang berupaya jalankan arahanku."[75]

Rasulullah (saw) menggalakkan mereka untuk menukar Amir pasukan walaupun jika dia yang diberikan bendera oleh tangan baginda yang mulia sendiri. Jadi, bagaimana

[75] Abu Daud dan Ahmad dan Sahih al Hakim dan disetujui oleh az Zahabi. Lihat Fath ar Rabbani 14/45.

Jadi, bagaimana sekiranya memang tiada Amir dari permulaan? Satu daripada situasi kritikal yang memerlukan Amir ialah semasa perang.

Ibn Qudama berkata dalam *Al Mughni* 8/253: "Ketiadaan seorang Imam tidak menunda jihad disebabkan banyak kerugian sekiranya ditunda".

Jika rakyat melantik seorang Amir, dia mesti dipatuhi. Sepertimana dinyatakan dalam *Fath al Ali al Malik* 1/253.

Syeikh Miyara menyatakan bahawa sekiranya ketiadaan seorang Amir, dan rakyat bersetuju untuk melantik seorang yang berkebolehan pada masa itu, untuk mengarahkan jalan, bagi menjadikan yang kuat menyokong yang lemah, dan dia mengerahkan segala tenaganya sedaya upaya untuk mencapai matlamat, semua ini menjadi bukti bahawa untuk menentangnya adalah tidak dibenarkan. Sesiapa menentang dia adalah pencetus perpecahan, menyalahi Islam dan memecah belahkan Jamaah. Dalam Sahih Muslim: "Pasti akan ditimpa kesukaran dan kesukaran dan sesiapa yang mahu memecah belahkan Ummah ini pada masa mereka bersatu, bunuhlah walau siapapun dia". Dan "siapa yang datang kepadamu sedangkan kamu bersatu di bawah seorang pimpinan dan mahu memecah belahkan jemaah kamu, bunuhlah dia".

Soalan Ketiga:

Bolehkah kita berperang di Afghanistan sedangkan pemimpin mereka berpecah dan berbeza-beza?

Adalah wajib untuk berperang di Afghanistan dengan pemimpin yang berpecah dan berbeza antara satu sama lain. Desebabkan berperang adalah bagi mempertahankan umat Islam daripada pencerobohan Atheis (komunis).

Tiada apa yang melarang berperang melawan orang-orang kafir dan atheis apabila lebih dari satu kumpulan Islam yang wujud. Dan kami menganggap pemimpin setiap kumpulan adalah Amir pasukan kumpulan itu.

Soalan Keempat:

Bolehkah seseorang berperang sendirian jika yang lain enggan?

Ya dia berperang seorang diri kerana Allah yang Maha Kuasa dan Maha Mulia menurunkan ayat ini kepada Rasulullah (saw): **"Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajiban kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mu'min (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras siksaan (Nya)."**[76]

Ayat ini mengarahkan nabi (saw) kepada dua tanggungjawab:

1. Berperang, walaupun sendirian
2. Kobarkan semangat mukmin.

---

[76] Surah An Nisa':84

Allah Yang Maha Mulia mengajarkan hikmah berperang adalah untuk menahan kejahatan daripada orang-orang kafir disebabkan mereka tidak akan takut dengan keberadaan kita kecuali kita berperang: **"Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata-mata untuk Allah..."**[77] dengan meninggalkan perang, syirik, iaitu fitnah akan tersebar, dan kekufuran berleluasa. Para sahabat ra memahami ayat ini dengan maksud yang jelas. Abi Ishaq mengatakan: "Jika seorang lelaki mencampakkan dirinya kepada Musyrikin, bukankah dia mencampakkan dirinya ke dalam kebinasaan?" beliau menjawab, Tidak, kerana Allah mengutus rasulnya (saw) dan Dia berfirman: **"Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajiban kamu sendiri...",** apa yang kamu perkatakan adalah mengenai infaq.[78] Riwayat Ahmad dan disahkan oleh al Hakim dan dipersetujui az Zahabi. Ibn Arabi mengatakan dalam *Ahkam al Qur'an* 2/954: "Akan datang suatu masa yang mana menjadi kewajipan kepada setiap orang untuk berangkat, apabila jihad menjadi Fardhu Ain jika musuh menginjak satu daripada negeri kita atau mereka mengepung satu daripada kawasan kita. Maka, adalah kewajipan keseluruhan makhluk untuk berangkat jihad. Jika mereka tidak berangkat, mereka dalam keadaan berdosa. Sekiranya kerahan itu bersifat umum, disebabkan musuh menakluk sesebuah kawasan atau menangkap tawanan, keberangkatan adalah tanggungjawab atas setiap orang. Ringan, berat, berkenderaan, berjalan kaki, hamba dan merdeka semua mesti berangkat. Setiap yang mempunyai bapa, tanpa perlu izinya dan sesiapa yang tiada bapa, sehingga Agama Allah dimenangkan, melindungi kawasan dan harta, menimpakan bencana kepada musuh dan menyelamatkan tawanan, tentang hal ini tiada perselisihan. Apa yang perlu dibuat jika yang lain berdiam diri?

Dia mencari tawanan dan membayar tebusan. Dia menyerang sendirian jika berupaya, dan jika tidak dia menyediakan seorang pejuang."

Berperang sendirian menggembirakan Allah. Sepertimana dalam hadith Hasan riwayat Ahmad dan Abu Daud, baginda (saw) bersabda: "Tuhan kami senang dengan seorang lelaki yang menyerang di jalan Allah sedangkan teman-temannya dipukul mundur dan dia tahu tanggungjawabnya dan dia kembali maju berperang hingga tertumpah darahnya dan Allah yang Maha Kuasa dan Agung berkata kepada malaikatnya: "Lihatlah hambaku ini, dia kembali mengharapkan apa yang ada disisiKu dan takutkan siksaKu sehingga darahnya tertumpah.""

Soalan Kelima:
Adakah kita berperang bersama dengan Muslim yang pendidikan Islamnya lemah?

Soalan ini datang dari sesetengah orang dan sebahagian daripada mereka adalah jujur. Mereka mempersoalkan bagaimana kita berperang dengan rakyat seperti Afghani, di antara mereka ada yang ikhlas, di antara mereka juga ada yang khianat, merokok dan

[77] Surah Al Anfal:39
[78] Maksud "apa yang kamu perkatakan adalah mengenai perbelanjaan" adalah daripada ayat **"Dan belanjalah pada jalan Allah dan janganlah kamu mencampakkan diri ke dalam kebinasaan dengan tanganmu..."** kerana tidak mahu membelanjakan fi sabilillah ialah kebinasaan. Al Fath ar Rabbani 14/8.

Niswar (sejenis tembakau) tersebar, yang bagi mendapatkannya dia sanggup menjual senjatanya? Mereka adalah orang yang berkeras mengikut Mazhab Hanafi dan sesetengah dari mereka memakai tangkal.

Sebelum aku menjelaskan hukum Syariah mengenai hal ini, Kukatakan: tunjukkan padaku orang muslim di muka bumi ini yang tidak menghadapi masalah yang serupa. Adakah kita membiarkan orang-orang kafir berleluasa di setiap bumi umat islam hanya kerana kewujudan masalah ini?

Jawapan

Kita mesti berperang kerana berperang berdasarkan menghadapi keburukan yang lebih besar. Prinsip ini dinyatakan dalam *al Ahkam al Adial al Mad*, artikel 26: "Keburukan peribadi perlu disekat bagi melindungi maslahat umum darinya". Artikal 27: "Keburukan yang besar boleh diselesaikan dengan keburukan kecil". Artikel 28: "Jika seseorang tidak boleh bertindak kecuali dengan melakukan satu daripada dua kejahatan, dia perlu membuat yang lebih kecil bagi menghindari yang besar". Artikel 29: "Yang kecil antara kedua kejahatan yang mula-mula dipilih". Kita mesti memilih antara dua keburukan; yang lebih besar: iaitu Rusia menawan Afghanistan, bertukar menjadi negara Kafir dan melarang Quran dan Islam dalamnya. Atau, jihad dengan bangsa yang berdosa dan mempunyai kesalahan?

Ibnu Taimiyah berkata dalam *Majmua al Fatawa* 28/506: "Adalah dari prinsip *Ahlul Sunnah wal Jamaah* untuk menyertai sesebuah ekspedisi dengan setiap Muslim yang baik dan kurang baik. Sebagaimana Rasulullah (saw) memberitahu kita, Allah mungkin menyokong agama ini walaupun dengan orang jahat atau pelaku maksiat. Jika sesuatu ekspedisi tidak dapat dilakukan kecuali dengan Amir yang jahat atau dengan tentera yang bermaksiat, dia mesti memilih satu antara dua: untuk berpaling daripada mereka, membiarkan ekspedisi di tangan mereka yang dengan itu musuh mungkin menewaskan mereka, iaitu keburukan yang lebih besar bagi mereka dalam agama mereka dan jiwa mereka. Atau, menyertai satu ekspedisi dengan Amir yang bermaksiat, dan dengan cara ini keburukan yang lebih besar antara dua pilihan itu dapat dihindar. Walaupun seseorang muslim tidak dapat menjaga keseluruhan daripada amalan mereka, sekurang-kurangnya dia dapat menjaga sebahagian besar daripada amalannya. Adalah kewajipan dalam situasi ini dan mana-mana situasi seperti ini. Banyak ekspedisi dengan Khulafa Ar Rasyidin berlaku seperti ini. Rasulullah (saw) menegaskan: "Terdapat kebaikan pada ubun-ubun kuda sehingga hari kiamat sebagai ganjaran dan harta rampasan". Selagi mana mereka itu muslim adalah tanggungjawab untuk berperang bersama mereka." Panji di Afghanistan adalah Islam dan matlamatnya ialah menegakkan agama Allah di muka bumi.

Meskipun pelbagai korupsi yang wujud pada peringkat permulaan, kalaulah orang-orang Islam bangkit berperang di Palestin, sebelum situasi menjadi buruk dengan kedatangan George Habash, Naif Hawatma, Father Capici dan orang-orang seperti mereka, Palestin tidak akan jatuh ke tangan orang-orang kafir..

Sedangkan semua pemimpin jihad Afghan solat dan puasa serta amalan lainnya dan mengajak kepada Islam.

Adalah wajib untuk berperang bersama mana-mana orang muslim selagi mana mereka Muslim. Tidak kira betapa jahat atau kesalahan mereka selagi mana mereka menentang orang kafir, ahli kitab atau Atheis.

Shaukani berkata dalam Nailul Authar 8/44: "Para ulama bersetuju bahawa dibenarkan meminta bantuan daripada Muslim yang jahat atau maksiat dalam menentang orang-orang kafir."

Soalan Keenam:

Bolehkah kita meminta bantuan daripada Orang-orang kafir jika kita lemah?

Sesetengah orang percaya boleh meminta bantuan daripada Amerika dan negara barat untuk jihad di Afghanistan, dan meminta bantuan Russia menentang Yahudi di Palestin. Bantuan seperti ini Haram dengan kesepakatan Ulama fiqh dan ini menghilangkan matlamat jihad. Terdapat beberapa hadith yang kontra mengenai hal ini. Berikut adalah hadith yang melarang meminta bantuan daripada orang-orang kafir.

1. Hadith dalam Sahih Muslim: baginda (saw) berkata kepada Musyrik pada Perang Badar, "Kembalilah, aku tidak akan menerima bantuan daripada Musyrik."[79]
2. Hadith lainnya: "kami tidak meminta bantuan daripada Musyrikun menentang Musyrikun." Riwayat Ahmad dan at Tabrani. Haithami berkata dalam *Majmuat az Zawaid*: "Ahmad dan at Tabrani adalah dipercayai." Dan dalam riwayat sahih bahawa Safwaan bin Umaiyah berperang bersama Rasulullah (saw) dan dia seorang kafir."

An Nawawi berkata, dalam *Tahthib al Asma wal Lughat* 263:"Safwan bin Umaiyah berperang dengan Rasulullah (saw) sebagai seorang kafir". Rasulullah (saw) meminjam pada perang Hunain perisai daripada Safwan bin Umaiyah. Baginda berkata kepada dia,"Pinjaman ni akan dikembalikan kepadamu". Hadith sahih riwayat al Hakim, lihat *Sahih al Jamia* 3862. diriwayatkan oleh kebanyakan ahli Sirah bahawa Qazman berangkat perang bersama Rasulullah (saw) pada perang Uhud dan membunuh tiga pemegang bendera Musyrikun. Rasulullah (saw) bersabda mengenainya: "Allah menolong agama ini dengan orang jahat." Kesudahannya, disebabkan hadith-hadith yang bercanggah, para ulama berbeza mengenai bagaimana menyelaraskannya. Permintaan pertolongan daripada Musyrikin adalah dilarang tetapi kemudiannya dimansuhkan. Al Hafiz dalam *Al Talkhis* berkata inilah keterangan yang terbaik, dan as Syafie bersetuju.[80]

Empat ulama besar fiqh bersepakat bahawa meminta bantuan daripada Orang-orang kafir adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Pemerintahan Islam mestilah yang utama, dengan kata lain, pihak Muslim mestilah lebih kuat daripada gabungan kumpulan Musyrikin yang diminta bantuan dan Musyrikin yang diperangi. Ini adalah sebagai persediaan sekiranya pihak kafir bergabung memerangi Muslim.

---

[79] Nailul Authat 7/128
[80] Nailul Authat 8/44

2. Pihak kuffar mestilah berpandangan baik kepada pihak Muslim, dan pihak muslim mesti merasa selamat daripada pengkhianatan dan ini dinilai daripada kelakuan mereka.
3. Pihak muslim mestilah benar-benar memerlukan bantuan kafir atau pihak orang-orang kafir yang diminta bantuannya.

Pendapat Empat Mazhab

Pendapat Hanafi

Muhammad bin al Hasan berkata[81]: "Adalah diterima bagi pihak Muslim meminta bantuan daripada Musyrikin menentang Musyrikin jika kekuasaan Islam berada di atas." Al Jassas[82] berkata: "dari kalangan kami berkata, "Dibolehkan meminta bantuan Musyikin dalam memerangi Musyrikin apabila gabungan menjadi dominan, pemerintahan Islam di atas".

Pendapat Maliki

Ibnul Qasim berkata[83]: "Bukan pendapatku iaitu orang Islam meminta bantuan mereka dalam bersama-sama berperang melainkan mereka mengambil peranan sebagai hamba, dan aku tidak melihat sebarang masalah dengan ini." Malik berkata[84]: "Bukan pendapatku bahawa mereka meminta bantuan daripada Musyrikin menentang Musyrikin melainkan mereka mengambil peranan sebagai hamba".

Pendapat Syafie

Ar Ramli berkata[85]: "Imam atau pimpinan kedua tertinggi boleh memohon bantuan daripada orang kafir walaupun mereka adalah *Ahlul Harb* sekiranya dia tahu bahawa mereka mempunyai pandangan yang baik terhadap kita di bawah keadaan yang kita memerlukan mereka untuk berkhidmat atau berperang kerana bilangan kita yang sedikit."

Pendapat Hanbali

Ibn Qudamah berkata[86]: "daripada Ahmad bahawa dibenarkan meminta bantuan daripada Musyrikun, bahkan pendapat Imam Ahmad bahawa seorang Kafir mempunyai bahagian dalam harta rampasan jika dia menyertai peperangan di bawah Imam. Beliau keluar daripada majoriti pendapat bahawa tidak boleh mendapat bahagian.

---

[81] Syarah Kitab as Sir Faqara 201
[82] Ahkam al Qur'an oleh Jassas
[83] Al Maduna 2/40.
[84] Al Qurtubi 8/100
[85] Nihayat al mahtaj 8/58 dan takmila al Majmua 19/28.
[86] Al Mughni 8/414

Wahyu Mengenai Perintah Berperang

Ramai penulis melakukan kesalahan dalam perkara yang membenarkan mengadakan perjanjian damai. Mereka mengambil ayat Quran tanpa mengetahui kronologi penyusunan turunnya wahyu. Sepatutnya mereka perlu mempunyai ilmu berkenaan dengan kesinambungan ayat-ayat jihad dalam Quran yang berakhir dengan turunnya Ayat Pedang dalam surah at Taubah: "**...dan perangilah kaum musyrikin** (musyrik, atheis, penyembah berhala, kafir kepada keesaan Allah) **itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya; dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.**[87]

"...maka bunuhlah orang-orang musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka, dan tangkaplah mereka. Kepunglah mereka dan intailah di tempat pengintaian...[88] Ibnul Qayim menerangkan dalam *Zaadul Ma'ad* bahawa jihad dibenarkan sewaktu hijrah, kemudian diperintahkan untuk memerangi sesiapa yang menyerang mereka, akhirnya diperintahkan untuk memerangi Musyrikin secara umum.

Ibnu Abidin berkata[89]: "Perlu diketahui arahan berperang diturunkan secara berperingkat. Rasulullah (saw) pada mulanya diarah untuk Tabligh (menyampaikan) dan berpaling. Allah Ta'ala berfirman: **"Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang yang musyrik.**[90] Kemudian berdakwah dengan bijaksana: **"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik...**[91] Kemudian, diizinkan untuk berperang **"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu."**[92] Kemudiannya dibenarkan berperang sekiranya diserang musuh: **"Jika mereka memerangi kamu, maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang kafir."**[93] Kemudian diarahkan unruk berperang dengan syarat, apabila melepasi bulan-bulan Haram: **"Apabila sudah habis bulan-bulan Haram** (Bulan-bulan dalam Kalendar Hijri yang pertama, ke7, ke11 dan ke12) **itu, maka bunuhlah orang-orang musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka...**[94] Akhirnya, baginda diarahkan untuk memerangi secara umum kesuluruhannya. **"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, karena sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."**[95]

Inilah sebabnya mengapa penting untuk kita mempunyai ilmu mengenai turutan ayat-ayat wahyu. Perlu dijelaskan di sini bahawa tidak dibenarkan menyertai perundingan damai politik pada tahap yang sepatutnya untuk berdakwah, sebelum dakwah betul-betul

---

[87] Surah At Taubah:36
[88] Surah At Taubah:5
[89] Hashiyat Ibn Abidin 3/239
[90] Surah Al Hijr:94
[91] Surah Al Nahl:125
[92] Surah Al Hajj:39
[93] Surah Al Baqarah:191
[94] Surah At Taubah:5
[95] Surah Al Baqarah:190

disampaikan dengan kekuasaan yang menjaga matlamatnya. Jika Dakwah Islam menyertai perundingan dengan Kuffar pada tahap awalnya, maka agenda dakwah akan terjejas dan kacau-bilau dan ini akan mengelirukan pemahaman orang ramai. Ia tidak akan berada di atas asas yang kukuh dan dakwah akan hilang dalam permainan politik dan ikatan kenegaraan

Contoh untuk tahapan ini adalah dalam Surah: **“Katakanlah: "Hai orang-orang yang kafir** (kafir kepada Allah, keesaanNya, malaikatNya, KitabNya, RasulNya, Hari Akhirat, Al Qadar, dll.)**!, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah..."**[96] dan contoh posisi orang beriman dalam tahapan berikut: **“Katakanlah: "Panggillah berhala-berhalamu yang kamu jadikan sekutu Allah, kemudian lakukanlah tipu daya (untuk mencelakakan) ku, tanpa memberi tangguh (kepada ku). Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan Al Kitab (Al Qur'an) dan Dia melindungi orang-orang yang soleh.”**[97] Kita mesti tegas dengan keimanan kita, laungkan kepada semua. Para penyeru dakwah mesti menegaskan suara mereka dan sanggup berkorban ke tahap disiksa, dibakar sehingga diri mereka diuji di luar batas kesabaran sepertimana yang dialami Rasulullah (saw) dan para sahabat di peringkat Mekah. Namun, setelah daulah Islam ditegakkan, tiada perkara yang menghalang mereka melakukan perjanjian.

[96] Surah Al Kafirun
[97] Surah Al A'raf:195-196.

Keadaan-keadaan yang Membolehkan Perjanjian Damai Dengan Orang-orang kafir

Para ulama berselisih dalam menentukan boleh atau tidak mengadakan perjanjian damai dengan orang-orang kafir. Di kalangan mereka ada yang membenarkannya berdasarkan perjanjian Hudaibiyah. Yang lain membenarkan sekiranya muslim dalam keadaan benar-benar lemah. Yang lain ada yang tetap mengatakan kita tidak dibenarkan mengadakan perjanjian damai dengan orang kafir dengan hujah semua perjanjian dengan orang kafir telah dibatalkan dengan turunnya Ayat Pedang. Kami katakan, dibenarkan untuk melakukan perjanjian damai, sekiranya dalam perjanjian itu memberikan kebaikan kepada Muslim, dengan syarat tidak ada isi perjanjian itu yang membatal atau merosakkannya. Seperti:

1) Tidak dibenarkan memasukkan dalam perjanjian damai itu untuk menyerahkan walau sejengkal bumi umat Islam kepada orang-orang kafir. Disebabkan bumi umat Islam bukan milik sesiapa, oleh itu, tiada siapa boleh membuat rundingan ke atasnya. Keadaan ini membatalkan perjanjian kerana bumi ini milik Allah dan Islam. Tidak dibenarkan sesiapapun menyalahgunakan sesuatu yang bukan miliknya. Atau menukarkan anak Adam yang bukan miliknya. Merujuk kepada Rusia, tidak dibenarkan berunding dengan mereka sehingga mereka keluar dari setiap jengkal bumi Afghan. Begitu juga dengan Yahudi di Palestin.

2) Sekiranya jihad menjadi Fardhu Ain, ini membatalkan perjanjian damai seperti dalam kondisi musuh menginjak bumi umat Islam atau berniat jahat terhadap mereka. *Fath Ali* oleh Malik 1/289 dalam perkara perjanjian damai dalam *Mayir* dalam bab *Jihad:* "Khalifah menandatangani perjanjian damai dengan Kristian, tetapi rakyat Muslim merasakan satu-satunya penyelesaian adalah jihad, maka perjanjiannya dimansuhkan dan perbuatannya ditolak." Apabila jihad menjadi Fardhu Ain, tidak dibenarkan mengadakan perjanjian damai seperti dalam keadaan musuh menakluki orang Islam. Semua yang telah kami katakan mengenai perkara yang menjadikan Jihad itu Fardhu Ain memansuhkan perjanjian damai, kerana ianya menyekat Fardhu Ain, yang mana Jihad adalah penawar kepada masalah ini. Qadi Ibn Rusyd menceritakan bahawa para ulama bersetuju apabila Jihad menjadi fardhu Ain, ia adalah lebih diutamakan berbanding mengerjakan Fardhu Haji. Alasannya adalah sekiranya Jihad adalah Fardhu Ain, ia perlu dikerjakan secepat mungkin, sedangkan haji boleh ditunda. Perdamaian yang telah dinyatakan mesti diabaikan kerana ianya tidak berdasarkan kepada Syariah, ianya tidak sah dan mengikutinya juga tidak sah, menurut pemahaman yang benar dari prinsip-prinsip Syariah. Juga, perdamaian yang telah dinyatakan termasuk meninggalkan jihad. Meninggalkan jihad adalah haram dan setiap yang haram tidak boleh dpatuhi.

3) Setiap keadaan yang melibatkan meninggalkan Syariah Allah atau mengenepikan amalan Islam membatalkan perjanjian. Tidak dibenarkan untuk Rusia untuk campur tangan dalam kerajaan kerana ini merosakkan jihad dan matlamatnya.

4) Tidak dibenarkan untuk mengadakan perjanjian yang di dalamnya terdapat syarat yang menimpakan bencana kepada Muslim atau membuat sentimen seperti itu. Sebagaimana menurut hadith daripada az Zuhri, yang berkata[98]: "Apabila fitnah yang menimpa rakyat menjadi besar, Rasulullah (saw) mengutus seseorang kepada Uyaina bin Husn bin Hanifa Ibn Badar dan kepada Harith bin Abi Auf al Muzni – mereka merupakan pemimpin Ghatafan. Baginda menawarkan kepada mereka satu pertiga hasil buah di Madinah sekiranya mereka dan tentera mereka berundur daripada pakatan tentera Ahzab. Mereka mengadakan rundingan namun tidak mencapai kepada perjanjian. Apabila baginda menginginkan untuk membuat perjanjian, baginda mengutus seseorang kepada Saad bin Muadz dan Saad bin Ubadah untuk berbincang dengan mereka. Baginda menerangkan situasi yang berlaku dan berkata, "Sepertimana yang kamu ketahui, penduduk Arab sedang mensasarkan kita dengan satu busur (bergabung dalam memerangi kita), apa pendapatmu mengenai menawarkan mereka sebahagian hasil buah Madinah? Mereka berkata, "Ya Rasulullah (saw) jika engkau katakan inilah pendapatmu, maka pendapatmulah yang kami ikuti. Tapi, kami tidak pernah menawarkan mereka kurma kecuali menjual atau pun jika mereka merupakan tetamu kami, dan itu adalah sewaktu kami belum beriman. Kini Allah memuliakan kami dengan Islam". Rasulullah (saw) gembira dengan apa yang mereka perkatakan". Diperkuatkan dengan riwayat sanad terputus. Penduduk Ansar merasakan mereka akan dihina dengan perjanjian sebegitu. Dan dalam sesetengah riwayat: "Kami tidak memberikan kepadamu kecuali pedang."

5) Tidak mengikat perjanjian yang menentang Syariat Islam. Sebagai contoh:
   a) Satu perjanjian yang membenarkan musyrik untuk menetap di tanah Haramain (tanah dua masjid suci, iaitu seluruh Jazirah Arab) kerana dalam sebuah hadith: "Usir semua Yahudi dan Kristian dari Jazirah Arab".[99]
   b) Mengembalikan wanita Islam kepada orang-orang kafir: **"...maka jika kamu telah mengetahui bahwa mereka (benar-benar) beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir. Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka..."[100]**

   Berkenaan menghantar semula lelaki Islam kepada Orang-orang kafir, terdapat percanggahan pendapat di kalangan ulama Fiqh. Sesetengah membenarkan ianya dihantar semula sebagaimana syarat pada perjanjian Hudaibiyah. Tetapi ulama lainnya tetap mengatakan bahawa kebenaran penghantaran semula dalam syarat ini hanya tertakluk kepada mereka sahaja. Inilah pendapat majoriti. Bara bin Azib berkata: "Rasulullah (saw) menggariskan tiga syarat pada hari perjanjian Hudaibiyah dengan Musyrikun. Sesiapa yang pergi kepada mereka daripada Rasulullah (saw) tidak akan dihantar balik. Sesiapa yang datang kepada kami daripada mereka, akan dihantar balik. Rasulullah (saw) bersabda, "Siapa daripada kita pergi kepada mereka, Allah menjauhkan mereka".

[98] I'ala as Sinan 12/8
[99] Riwayat Muslim/ Al Fath ar Rabbani 14/120.
[100] Surah Al Mumtahanah:10

Disepakati dan Muslim menambahkan: "Dan sesiapa yang meninggalkan mereka, Allah akan memberinya jalan keluar dan memudahkannya".[101]

6) Begitu juga, tidak dibenarkan untuk mengikat perjanjian yang syaratnya membenarkan pendedahan amalan orang-orang kafir di bumi umat Islam. Sebagai contoh, membenarkan pembinaan gereja, biara dan penyebaran para missionari, semua yang boleh mendatangkan fitnah kepada muslim dan merosakkan keimanan mereka terutamanya di Jazirah Arab. Oleh itu, perjanjian dan penyelesaian politik di Palestin adalah terbatal. Terbatal sejak awal-awal lagi. Sebarang perubahan tidak dibenarkan. Di Afghanistan ianya dibenarkan di bawah syarat-syarat berikut:

   (1) Pengunduran Rusia daripada semua kawasan Muslim.
   (2) Jika daulah Islamiah ditegakkan di Afghanistan selepas pengunduran mereka dan tiada campurtangan dalam bakal kerajaan seperti percubaan mengembalikan raja atau mengenakan amalan yang bertujuan merendahkan kepercayaan rakyat Afghan.
   (3) Pengunduran tersebut mestilah tanpa sebarang syarat atau halangan.
   (4) Pihak Rusia mestilah mengiktiraf pihak mujahidin dan meminta perdamaian daripada mereka: **"Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah...[102]** Sudi bin Zaid berkata: "Jika mereka inginkan perdamaian, sahutlah mereka."[103] Ibn Hajar al Haithami berkata: "Syarat yang rosak membatalkan perjanjian. Sebagai contoh, syarat yang menghalang pembebasan tawanan, pengunduran daripada wilayah yang ditakluk, pengembalian sebarang tawanan Muslim yang lari daripada mereka, penempatan mereka di *Hijaz,* kemasukan alkohol ke bumi kita, atau penghantaran semula sesiapa yang datang kepada kita daripada mereka".[104]
   (5) Sekiranya pihak mujahidin berpuas hati dengan ketelusan Rusia dalam meminta perdamaian dan yakin mereka tidak akan khianat. Namun, sesiapa yang inginkan kedamaian atau menjadi perantaranya gagal untuk meninggikan matlamat jihad iaitu menegakkan daulah Islamiyah, kerana negara-negara barat tidak akan menerima dan akan menghalangnya. Orang-orang ini gagal untuk memahami matlamat jihad dan mereka tidak mempunyai pandangan Islam yang jelas. Oleh itu, tidak dibenarkan orang-orang seperti ini berperang dalam jihad, suatu ketentuan dari Allah atau tidak menjadi pemimpin mereka. Kerana Allah yang Maha Agung dan Maha Mulia berfirman: **"Maka jika Allah mengembalikanmu kepada satu golongan dari mereka, kemudian mereka minta izin kepadamu untuk ke luar (pergi berperang), maka katakanlah: "Kamu tidak boleh ke luar bersamaku selama-lamanya dan tidak boleh memerangi musuh bersamaku..."[105]** Qurtubi berkata 8/218: "ini menunjukkan penyertaan orang-orang yang bodoh dalam peperangan tidak dibenarkan". Majoriti ulama Fiqh

[101] Al Qurtubi 8/39
[102] Surah Al Anfal:61
[103] Hashhiyat Ah Sharawai dan Ibnul Qasim lihat Tahfa al Mahtaj 9/306.
[104] Al Qurtubi 8/39
[105] Surah At Taubah:83

menyatakan dalam *Al Jihad* bahawa tidak dibenarkan orang yang angkuh, mudah putus asa, ragu-ragu, pengecut atau penghalang untuk bersama dalam tentera.

Ya Allah berilah kemenangan kepada Mujahidin di Afghanistan, di Palestin, di Filipina, di Lubnan dan di setiap tempat. Dan tinggikanlah bendera Islam, hukum Quran, dan kurniakanlah kami sebagai syuhada' di jalanMu.

Kekuasaan hanya kepadaMu Tuhan, Tuhan yang Mulia dan Maha Kuasa. Maha Suci Engkau daripada apa yang mereka persekutukan dan kesejahteraan kepada rasul dan dan segala puji dan kebesaran hanya pada Allah Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam kepada Muhammad Rasulullah, keluarganya dan para sahabat dan sesiapa yang mengikutinya diatas kebenaran hingga Hari Kiamat.

Penutup

Akhir sekali kami katakan, perkara ini tidaklah selesai dengan syarahan yang panjang atau membawakan saksi-saksi. Sebenarnya, perkara ini dirujuk kepada hati. Jika Allah memberi cahaya ia akan melihat kebenaran, yang mana semuanya adalah jelas. Sebaliknya, jika hati itu gelap mereka tidak akan nampak. **"...Karena sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta, ialah hati yang di dalam dada."**[106]

Pandangan hati adalah sebagai bukti, dan tanda tanda kekuasaan Tuhan adalah untuk memupuk taqwa, ketaatan dan semangat untuk beramal ibadah. **"Sesungguhnya telah datang dari Tuhanmu bukti-bukti yang terang; maka barangsiapa melihat (kebenaran itu), maka (manfaatnya) bagi dirinya sendiri; dan barangsiapa buta (tidak melihat kebenaran itu), maka kemudharatannya kembali kepadanya. Dan aku (Muhammad) sekali-kali bukanlah pemelihara (mu)."**[107] Pandangan ini keluar dari pandangan hati. Pandangan yang bukan diperoleh melalui pembelajaran. Sesungguhnya, ia adalah kefahaman kurniaan Allah kepada hambaNya tentang kitabNya dan DienNya sesuai dengan keimanan hamba itu. Pandangan ini muncul dari lubuk hati yang dalam, yang akan membezakan haq dari yang bathil, kejujuran daripada pembohongan. Allah Ta'ala berfirman: **"Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman."**[108]

Mujahid berkata: "Dalam at Tirmizi, Abu Said al Khudri ra meriwayatkan bahawa Rasulullah (saw) bersabda: "Takutilah firasat orang mukmin kerana dia melihat dengan cahaya Allah yang Maha Kuasa dan Maha Agung." Kemudian dia membacakan: **"Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman."**[109]

Sesiapa yang mengutamakan kehidupan dunia dari kalangan ulama, dia akan berbohong berkenaan Allah dalam fatwa dan hukumannya, syarahannya dan arahannya, disebabkan kebanyakan hukum Tuhan bercanggah dengan kehendak nafsu manusia, terutamanya mereka yang diberikan kekuasaan.

Mereka yang menuruti syahwat, nafsu keinginan mereka tidak akan puas hati kecuali dengan mencampur aduk kebenaran atau menolak sebahagian besar daripadanya. Ulama dan pemerintah yang cintakan kuasa dan mengejar keduniaan tidak akan dapat mencapai semua itu kecuali dengan menolak kebenaran. Terutamanya apabila yang ragu-ragu kebetulan dengan nafsu mereka, lalu tampaklah kejahatannya. Apa yang benar tersembunyi dan tertutuplah wajah kebenaran.

Jika kebenaran itu terbukti dan tiada keraguan padanya, dia akan memilih yang kontroversi dan mencari jalan keluar dengan beralasan dia akan bertaubat.

Mengenai mereka, dan yang seperti mereka, Allah berfirman: **"Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang menyia-nyiakan shalat dan memperturutkan hawa nafsunya..."**[110] Allah Ta'ala juga berfirman mengenai mereka: **"Maka datanglah sesudah mereka generasi (yang jahat) yang mewarisi Taurat, yang mengambil harta benda dunia yang rendah ini, dan berkata: "Kami akan**

106 Surah Al Hajj:46
107 Surah Al An'am:104
108 Surah Al Hijr:77
109 Surah Al Hijr:77
110 Surah Maryam:59

diberi ampun". Dan kelak jika datang kepada mereka harta benda dunia sebanyak itu (pula), niscaya mereka akan mengambilnya (juga). Bukankah perjanjian Taurat sudah diambil dari mereka, yaitu bahwa mereka tidak akan mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar, padahal mereka telah mempelajari apa yang tersebut di dalamnya?. Dan kampung akhirat itu lebih baik bagi mereka yang bertakwa. Maka apakah kamu sekalian tidak mengerti?"[111]

Menuruti kehendak yang sia-sia itu membutakan mata hati, sehingga ia tidak dapat lagi membezakan antara Sunnah dan Bid'ah, atau tak dapat tidak memalingkan mereka dengan menampakkan yang Bid'ah itu sebagai Sunnah. Inilah penyakit yang dialami ulama-ulama apabila mereka mengutamakan kehidupan dunia dan mengikuti hawa nafsu dan telunjuk pemerintah.[112] Ayat berikut merujuk kepada mereka: **"Dan bacakanlah kepada mereka berita orang yang telah Kami berikan kepadanya ayat-ayat Kami (pengetahuan tentang isi Al Kitab), kemudian dia melepaskan diri daripada ayat-ayat itu lalu dia diikuti oleh syaitan (sampai dia tergoda), maka jadilah dia termasuk orang-orang yang sesat. Dan kalau Kami menghendaki, sesungguhnya Kami tinggikan (derajat) nya dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsunya yang rendah, maka perumpamaannya seperti anjing jika kamu menghalaunya diulurkannya lidahnya dan jika kamu membiarkannya dia mengulurkan lidahnya (juga)..."**[113]

Kata-kata sahaja tidak mencukupi, kerana persepsi terhadap kebenaran bergantung kepada kejernihan hati.

Apabila hati mempunyai hubungan yang kuat dengan kehidupan duniawi, dan pemilik hati ini bergelumang dengan maksiat, *Ran* (titik hitam) terkesan di hati. Disebabkan, setiap dosa ialah setitik tompok hitam pada hati. Tompok hitam ini berkumpul sehingga *Ran* secara keseluruhan melitupi hati dan menghalang daripada cahaya hidayah.

Apabila hati menjadi gelap, perkara tidak lagi wujud sebagaimana yang sebenarnya, kebenaran akan mengelirukan dan tidak lagi jelas seadanya. Hati ini akan melihat kebenaran sebagai kebatilan dan kebatilan sebagai kebenaran.

Pentingnya taqwa sebagai penentu untuk membina kebijaksanaan, hati yang bersih, yang boleh menilai perkara dengan sebenarnya: **"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu bertakwa kepada Allah, niscaya Dia akan memberikan kepadamu furqaan dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahanmu dan mengampuni (dosa-dosa) mu. Dan Allah mempunyai karunia yang besar."**[114]

Apabila mengalami kekeliruan dalam sesuatu masalah yang sukar mereka perlu berkata, "Tanyalah kepada orang-orang di depan medan perang kerana mereka yang paling dekat dengan Allah".

Mereka bertanya kepada Ahmad bin Hanbal: "Siapa yang patut kami tanya selepas kamu?" beliau menjawab, "Tanyalah Abu Bakr al Waraq kerana dia memilik Taqwa sebagaimana yang sepatutnya dimiliki, dan aku berharap dia akan mampu menjawabnya."

---
[111] Surah Al A'raf:169
[112] Al Fuayid: 113-114.
[113] Surah Al A'raf:175-176
[114] Surah Al Anfal:29

Dalam Bukhari dan Muslim sebuah hadith marfu: "Pada masa lalu di antara kaum sebelum kamu terdapat orang yang berinspirasi dan jika ada seorang pada kaum ku dialah Umar bin Khattab," dan Umar memang benar menepatinya.

Muslim meriwayatkan dalam shahihnya dari Aishah ra, yang berkata: "Rasulullah (saw) akan membuka doanya apabila beliau bangun malam dengan: Tuhan kami, Tuhan Jibril, Mikail, Pengatur langit dan bumi, Maha Mengetahui perkara ghaib dan nyata, Kau menilai antara hamba-hambamu yang mana mereka berbeza-beza. Tunjukilah aku daripada apa yang mereka perselisihkan kepada kebenaran dengan izin Engkau. Engkau memberi petunjuk kepada sesiapa yang Kau kehendaki pada jalan yang lurus."

Akhir sekali kami bawakan ayat suci: **"...Ya Tuhan kami, berilah keputusan antara kami dan kaum kami dengan hak (adil) dan Engkaulah Pemberi keputusan yang sebaik-baiknya."**[115] Kami ulangi perkataan Rasulullah (saw) sepertimana diriwayatkan dalam sahih Muslim:

"Ya Allah tunjuki kami daripada apa yang mereka bezakan kepada kebenaran dengan izinMu. Kau memberi petunjuk kepada siapa yang Kau kehendaki kepada jalan yang lurus. Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara yang telebih dahulu beriman dan janganlah Kau masukkan ke dalam hati kami sebarang kebencian kepada mereka yang telah beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Kau Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Ya Allah, jadikan kami puas hati dengan kehidupan dan matikan kami sebagai syahid dan kumpulkan kami bersama-sama kumpulan Mustafa (saw). Segala keagungan dan pujian hanya pada Mu Ya Allah, Aku bersaksi bahawa tiada Ilah melainkan Engkau, Aku memohon keampunan kepadaMu dan kepadaMu aku bertaubat.

[115] Surah Al A'raf:89

Glosari

Ansaar: sesiapa daripada sahabat rasulullah (saw) daripada penghuni Madinah, yang menerima dan melayani Muhajirin Muslim daripada Mekah dan tempat lain.
Ahlul Harb: seluruh penduduk yang berdiam di negara musuh
Ahlul Sunnah wal Jamaah: mereka yang mengikuti Sunnah yang sahih daripada Rasulullah(saw) sebagaimana pemahaman para Sahabat baginda.
Alim: Ulama' atau orang yang berilmu
Amirul Mu'minin: Ketua orang yang beriman
'Ard: segala yang dipertahankan: wanita, keluarga, negara, maruah dsbnya.
Bid'ah: Perkara baru yang diada-adakan dalam Islam yang tidak terdapat pada Sunnah Nabi (saw) ataupun dalam Al Quran
Da'wah: Ajakan, seruan kepada Islam, Jihad dll.
Da'i: Orang yang berda'wah
Fara'id: Kata jama' bagi Fard
Fard: Kewajipan
Fard Ain: Kewajipan yang tertinggi, seperti Solat lima waktu, Haji, puasa bulan Ramadhan dll.
Fard Kifayah: Kewajipan yang apabila sejumlah bilangan manusia yang cukup telah berbuat kewajipannya terangkat daripada orang-orang lain.
Fatawa: Kata Jama' Fatwa
Fatwa: Hukum yang sah
Fiqh: Sains Undang-undang Islam
Fitnah: Rintangan, Cabaran, Godaan
Hadith: Kata-kata atau perlakuan Nabi Muhammad saw yang diriwayatkan
Hafiz: Orang yang menghafaz AlQuran
Haram: Dilarang berdasarkan Syari'ah
Hasan: Baik, darjah kedua tertinggi bagi kesahihan Hadith
Hijaz: Semenanjung Arab
Hijrah: Berpindah kerana Allah
Ijma': Kesepakatan ulama'
Iman: Kepercayaan, keyakinan
Jamaah: Perkumpulan, komuniti
Jizyah: Cukai yang dikenakan oleh Islam kepada bukan Islam yang berdiam dibawah kekuasaan kerajaan Islam
Kafir: Tidak percaya/Yakin/Ingkar
Kuffar: Kata jama' Kafir
Marfu': Rantai perawi yang membawa kepada Nabi (saw) secara terus
Mazhab: Pengelasan pendapat dalam Islam. Empat yang terbesar dikenali sebagai Maliki, Shafie, Hanbali dah Hanafi.
Muhaditheen: Ulama' Hadith
Mushrikun: Penyembah berhala, orang-orang yang menyekutukan Allah
Qiyas: (Prinsip Fiqh) Pendapat berdasarkan analogi, kesimpulan
Rakaat: Unit dalam Solat
Ribatt: Bersiap-siaga dan menunggu musuh dalam peperangan

Sahih: Benar, disahkan, Tahap tertinggi bagi pengelasan Hadith
Salaf: Orang-orang yang terpercaya pada generasi awal Islam
Shariah: Undang-undang Islam
Shaheed: Terbunuh pada jalan Allah
Syaitan: Syaitan, Jin
Syeikh: Panggilan biasa kepada Ulama
Shirk: Menyekutukan Allah dengan sesuatu
Shuhada: Kata jama’ Shaheed
Sunnah: Cara, perbuatan, arahan, kenyataan dll. dari Nabi Muhammad saw yang menjadi ikutan kaum Muslimin
Tabligh: Memberitahu, mengumumkan, menyampaikan
Tafseer: Komentari, penafsiran Al Quran
Taqwa: Takut kepada Allah, patuh, beriman
Ulama: Kata jama’ ‘Alim
Ummah: Seluruh komuniti Muslim
Zakat: Suatu pembayaran yang diwajibkan dalam Islam